

Pertahan institusi raja,  
elak kekacauan

2

Tangki bocor punca  
henti tugas LRA

4

Jentera mini tuaian  
tingkat hasil tani

6

Lima kali juara  
deklamasi puisi

7

# selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 25 - 31 JULAI 2024

www.selangorkini.my

## Bangunkan 50,000 usahawan digital

Bermula 133 penjaja pada 2020, seramai 37,000 usahawan sertai program pendigitalan negeri setakat Julai tahun ini bagi kembangkan perniagaan mereka sekali gus rancakkan kegiatan ekonomi

MUKA 2

### MoU bangun Lapangan Terbang Subang

Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) meterai perjanjian dengan Malaysia Airports Holdings Berhad untuk bangun kemudahan itu seterusnya bawa limpahan ekonomi ke kawasan sekeliling

MUKA 2



Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim bersama Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari mengibar Jalur Gemilang dalam majlis pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2024 di Sepang pada 21 Julai 2024. Turut sama pimpinan persekutuan dan negeri. Foto REMY ARIFIN ► BERITA MUKA 2

### pancawarna

#### Lebarkan gerbang pelaburan ke Selangor

Dua kali setahun, sidang niaga SIBS atur langkah tarik lebih ramai pelabur

9



#### Misi buru emas sulung Olimpik

Harapan diletak kepada acara berbasikal dan badminton di Paris

14-15



#### Lebih fasih daripada orang Arab

Syukri Arab rela ke ceruk desa Mesir demi dalami bahasa

11

## MB seru rakyat kibar Jalur Gemilang

**SHAH ALAM** - Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menyeru segenap lapisan masyarakat di Selangor mengibarkan Jalur Gemilang sempena sambutan Bulan Kebangsaan.

Sambil menggesa rakyat menolak budaya ekstrem, beliau memberitahu perbuatan berkenaan menunjukkan semangat patriotisme dan membangkitkan rasa kebersamaan terhadap negara.

"Kibarkan Jalur Gemilang dengan megah di rumah, di bangunan pejabat, bangunan perniagaan bahkan di kenderaan. Sama-sama kita zahirkan rasa cinta kepada negara," katanya.

Amirudin juga menegaskan kepentingan untuk semua pihak memaknai dan mendalami kehidupan masyarakat merdeka yang mementingkan sikap keterbukaan dan bukan kejumudan akal fikiran.

"Rakyat Selangor akan terus hidup rukun dan tenteram, menikmati hasil negeri serta berlandas keluhuran Perlembagaan," katanya.

## Syarikat luar taruh kepercayaan

**SHAH ALAM** - Syarikat luar negara menaruh kepercayaan untuk membuat pelaburan di Selangor ekoran kesungguhan dan kerjasama yang ditunjukkan pentadbiran negeri ini.

Menurut EXCO Pelaburan Ng Sze Han, perkara tersebut dibuktikan melalui pelaburan Chery Auto Malaysia yang membuka kilang pemasangan kenderaan di bandar raya ini.

"Kerajaan Negeri terus komited dalam usaha meningkatkan lagi ekonomi negeri. Antaranya kita akan tingkatkan sektor utama seperti semikonduktor.

"Dalam masa sama, kita juga membuka jalan dan peluang kepada industri maju seperti pembuatan automatif," katanya pada 20 Julai.

**IMBAS DI SINI**  
akhbar digital minggu lepas



# Pertahan institusi raja, elak kekacauan

**SHAH ALAM** - Institusi Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu harus dipertahan berikutan sistem itu membolehkan rakyat hidup aman damai tanpa kekacauan atau haru-biru.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bertitah raja berdaulat yang juga pemerintah tertinggi negara bergelar Yang di-Pertuan Agong termasuk dalam Ulil Amri (pemimpin) yang wajib ditaati.

Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj mengibaratkan hubungan raja dan rakyat seperti pohon dengan akar, saling memerlukan untuk terus hidup serta menjalankan fungsinya dengan baik.

"Maka sudah tentulah pohon tidak berupaya hidup tanpa akar yang kuat dan akar pula sangat perlukan pohon yang hidup dan menjalankan fungsinya dengan baik.

"Inilah disebut sebagai hubungan simbiosis yang menunjukkan raja memerlukan rakyat dan rakyat memerlukan raja sebagai tempat berlindung," menurut kenyataan di Facebook Selangor Royal Office.

Titah itu merujuk khutbah Jumaat di masjid seluruh negeri bertajuk Raja Ditaati, Negara Dirahmati pada 19 Julai selaras Istiadat Melafaz Sumpah Jawatan Yang di-Pertuan Agong.

Surat Sumpah Jawatan itu dengan jelas menekankan Baginda akan menjalankan pemerintahan adil menurut undang-undang dan Perlembagaan, selain memelihara kesucian agama Islam.

Baginda bertitah Istiadat Pertabalan pada 20 Julai signifikan kerana ia lambang sistem raja berperlembagaan dan menjulang tinggi darjat Yang di-Pertuan Agong sebagai payung negara.

Sultan Ibrahim yang melafaz dan menandatangani Surat Sumpah Jawatan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-17 pada 31 Januari ditabal dalam istiadat penuh tradisi Kesultanan Melayu.

## Subang Jaya rekod pendaftaran tertinggi

# 50,000 peniaga sertai PLATS

Oleh **ANNA FARINA ABDUL RAUF**

**SHAH ALAM** - Dato' Menteri Besar menyasarkan seramai 50,000 usahawan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) di negeri ini menyertai Platform Selangor (PLATS) menjelang tahun depan.

Dato' Seri Amirudin Shari yakin angka tersebut boleh dicapai lantaran pendaftaran sedia ada menunjukkan kira-kira 37,000 peserta menyertai PLATS sejak program itu diperkenalkan pada 2020.

"Bermula 133 orang pada 2020, sekarang pada 2024 sehingga Julai, kita ada 37,000 peserta. Ini menepati sasaran kita sebenarnya.

"Menjelang 2024, kita anggar sekitar 40,000 penjaja atau peniaga mikro menyertai program PLATS.

"Kita anggarkan atau kita harapkan pada tahun 2025 nanti kita mempunyai 50,000 penjaja-penjaja PMKS, mampu untuk terlibat dan menjadi anggota atau ahli dalam PLATS," katanya sempe-

na Malam Anugerah Platform Selangor (MAPS) baru-baru ini.

Menurut Amirudin, Majlis Bandaraya Subang Jaya merekod pendaftaran tertinggi diikuti Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Perbandaran Hulu Selangor dan Majlis Perbandaran Kajang.

Menjelaskan pasaran telah tersejua di Lembah Klang, beliau berkata perkembangan PLATS di Hulu Selangor membawa petunjuk baik sekali gus menunjukkan pelantar itu kian berkembang.

# Jaya matlamat jadi negara maju

**SEPAANG** - Selangor antara negeri yang berada di barisan hadapan bagi menayakan matlamat Malaysia sebagai negara maju, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata peran pembangunan negeri itu seiring kerja keras perdana menteri dan jemaah menteri untuk memulihkan imej negara di persada antarabangsa.

"Ini amat penting terutama dalam usaha Datuk Seri Anwar Ibrahim (perdana

menteri) dibantu dengan pasukannya yang giat memulihkan nama negara di persada antarabangsa untuk membina semula keyakinan pelabur.

"Malaysia negara berbilang kaum paling unik di dunia untuk melabur buat jangka masa yang panjang," katanya dalam majlis pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang pada 21 Julai.

Diadakan di Dewan Acara Cyber, Cy-

berjaya di sini, majlis yang disempurnakan Anwar turut dihadiri pemimpin kerajaan persekutuan dan negeri.

Dalam pada itu, Amirudin berkata Selangor meningkatkan sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar negara sebanyak 25.9 peratus dengan pertumbuhan ekonomi sebanyak 5.4 peratus.

Menurutnya, Selangor negeri pertama mencipta saiz ekonomi dengan nilai RM406.1 billion pada tahun lalu.

# Bangunkan Lapangan Terbang Subang

**SHAH ALAM** - Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) bagi pembangunan strategik Zon 4 dan 5 Lapangan Terbang Subang pada 22 Julai.

Menurut MBI, kerjasama itu bertujuan memajukan pembangunan dan pemasaran kawasan ditetapkan untuk segmen perniagaan penerbangan dan

aeroangkasa sebagai sebahagian daripada pelan penjanaaan semula Lapangan Terbang Subang.

Jelasnya, kerjasama strategik ini selaras Rancangan Pertama Selangor dengan tumpuan diberikan kepada pembangunan koridor pertumbuhan di negeri ini.

"Pembangunan ini secara langsung menyokong matlamat Selangor dengan tujuan utama Lapangan Terbang Subang adalah memberi kemudahan sek-

tor penerbangan perniagaan manakala KLIA Aeropolis memfokuskan sektor penerbangan komersial.

"Pembahagian yang jelas ini akan mempermudah pembangunan kawasan sekeliling di Subang dan Sepang, termasuk limpahan ekonomi ke dalam koridor ekonomi Pembangunan Ekonomi Gerbang Maritim Selangor mahupun Wilayah Pembangunan Bersepadu Selatan Selangor," katanya di Facebook.



# DAULAT TUANKU

Merafak Sembah Ucapan Setinggi-Tinggi Tahniah



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG  
SULTAN IBRAHIM**

sempena

**Pertabalan**

**Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-17**

pada

20 Julai 2024 Bersamaan 14 Muharam 1446H

**“Semoga Allah Subhanahu Wa Ta’ala Memberkati Pemerintahan  
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku”**

sembah takzim daripada



Dan Kumpulan Anak Syarikat



## Kumpul 15 peratus sisa elektronik

**SHAH ALAM** - Kerajaan Selangor menyasarkan 15 peratus sisa elektronik (e-sisa) dikumpul menjelang 2026 melalui program khas yang dilancarkan pada peringkat negeri baru-baru ini.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan pengeluaran sisa itu di Malaysia dijangka mencecah 24.5 juta unit pada 2025 dengan Selangor penyumbang terbesar.

Justeru, beliau berkata pentadbiran negeri berusaha meningkatkan kesedaran berkaitan pengurusan lestari selain menggalakkan ekonomi kitaran bagi peralatan elektrik dan elektronik.

"Kadar kutipan sisa itu di negara hanya satu peratus dan Selangor menyumbang jumlah yang besar sekitar 280,000 tan metrik menjelang 2025.

"Kalau ia tidak diatur sekarang dengan jumlah pertumbuhan penduduk yang tinggi ia akan memberi kesan yang besar," katanya seperti dilapor portal Berita RTM.

## Tangki bocor punca henti tugas LRA

**SHAH ALAM** - Pencemaran bau di beberapa sungai di Selangor berpunca daripada kebocoran tangki dari sebuah kilang memproses bahan akrilik untuk dikitar semula di Kuang.

EXCO Infrastruktur Ir Izham Hashim berkata susulan kejadian itu empat loji rawatan air (LRA) Rantau Panjang, Sungai Selangor Fasa 1 (SSP1), Sungai Selangor Fasa 2 (SSP2) dan Sungai Selangor Fasa 3 (SSP3) terpaksa dihenti tugas pada 23 Julai.

Menurutnya, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) bersama Jabatan Alam Sekitar Negeri dan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) memantau lokasi kejadian dan mendapati wujud punca bau seakan asid yang datang daripada kilang tersebut.

"Semakan lanjut didapati adanya aliran cecair daripada kebocoran tangki menyebabkan bahan terjadual iaitu Poly Methacrylic Acid (PMAA) melimpah mengalir ke longkang dan parit sehingga ke Sungai Kuang.

"Justeru, pihak MPS telah mengenakan kompaun kepada pemilik premis tersebut dan akan melaksanakan pemantauan secara berterusan bagi memastikan kejadian tidak berulang," katanya dalam sidang media pada 24 Julai.

# Pertanian jadi sumber pendapatan

**KUALA LANGAT** - Badan pengurusan bersama (JMB), perbadanan bersama (MC) dan persatuan penduduk kawasan perumahan digalakkan menjadikan pertanian sebagai salah satu kegiatan persatuan.

EXCO perumahan berkata usaha itu turut mempertingkatkan kualiti alam sekitar



sejajar matlamat Selangor menjadi negeri rendah karbon menjelang 2030 selain menjana pendapatan masyarakat.

"Saya galakkan supaya JMB atau MC ini mereka dijadikan sebagai salah satu aktiviti persatuan. Daripada hasil yang dikutip itu kita boleh jana pendapatan sebenarnya. "Tidak perlu kawasan besar tetapi

saya yakin kalau mereka ada kesungguhan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dan Jabatan Pertanian akan bantu," kata Borhan Aman Shah baru-baru ini.

Beliau juga menggalakkan golongan pemaju supaya menyediakan tapak khas bagi memudahkan pemilik rumah untuk menanam pokok atau sebarang kegiatan lain yang membawa manfaat.

## Longgar syarat kelayakan

# 35,824 mohon bantuan RM300

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

**SHAH ALAM** - Sebanyak 35,824 permohonan Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS) diterima sejak kelonggaran syarat kelayakan berkuat kuasa mulai 5 Julai, kata EXCO kebajikan masyarakat.

Anfaal Saari memaklumkan semua permohonan itu akan diproses pusat khidmat masyarakat (PKM) Dewan Undangan Negeri (DUN) masing-masing dalam tempoh antara dua minggu hingga sebulan.

Beliau menjelaskan isi rumah berpendapatan bulanan RM5,000 dan ke bawah layak memohon inisiatif yang menawarkan bantuan RM300 sebelum berbanding sebelum ini RM3,000.

"Syarat itu ditambah baik kerana kita mahu memperluas selain melihat ada keperluan untuk kelompok pertengahan antara B40 dan M40," katanya dalam program Hai Selangor pada 18 Julai.

Beliau menambah pembaharuan syarat kelayakan itu tidak menjejaskan golongan berpendapatan rendah kerana setiap permohonan disaring bagi memastikan penerima BINGKAS benar-benar layak.

Anfaal juga menjelaskan Kerajaan Selangor turut mengubah suai kuota pemberian inisiatif hasil peruntukan RM108 juta itu mengikut keperluan dan jumlah penduduk setiap DUN.

"Ada sesetengah DUN yang masih ada baki kuota dan kita ubah mengi-



kut keperluan terutama kawasan yang pengundinya ramai seperti Pelabuhan Klang, Meru dan Batu Tiga.

"Kita agih mengikut keperluan DUN dan jika pengundi mereka tidak ramai, kita kurangkan kuota. Ini bagi membolehkan peruntukan yang disediakan digunakan sepenuhnya," katanya.

Pada 5 Julai, syarat permohonan dilonggar bagi memastikan lebih ramai rakyat menerima manfaat. Bantuan selama 24 bulan boleh dimohon sehingga 15 Ogos melalui aplikasi Langkah Masuk Dengan Selamat (SELangkah) atau laman sesawang www.bingkasselangor.com

# Semak permohonan di SELangkah

**SHAH ALAM** - Semua penerima Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS) disaran berbelanja keseluruhan bantuan bulanan RM300 untuk membeli barangan keperluan harian mereka.

EXCO Kebajikan Masyarakat Anfaal Saari memberitahu baki bantuan dalam e-dompot aplikasi Langkah Masuk Dengan Selamat (SELangkah) tidak dibawa ke bulan berikutnya.

"Setiap bulan mereka dikredit RM300 dan boleh membeli keperluan asas seperti beras, susu, buah di beberapa rang-

kaian pasar raya seperti 99 Speedmart dan Mydin.

"Jika mereka benar-benar memerlukan, mereka pasti akan menghabiskan bantuan mengikut tempoh ditetapkan untuk keperluan asas," katanya dalam rancangan Hai Selangor pada 18 Julai.

Beliau berkata pemohon BINGKAS juga diingatkan untuk sentiasa menyemak aplikasi SELangkah bagi mengetahui status permohonan termasuk melampirkan dokumen yang menepati keperluan.

Kemudian pemohon perlu memuat

naik dokumen pengesahan. Dalam sistem berkenaan sistem lampu isyarat akan hijau jika lulus, warna kuning jika perlu dikemaskini.

"Pemohon perlu peka selepas 15 Ogos dan sentiasa kemas kini. Sebelum ini, ada pemohon yang memohon insentif MamaKerja tetapi tidak diluluskan kerana beliau penerima BINGKAS.

"Permohonan mudah jika pemohon maklum syarat-syarat dan kriteria inisiatif selain memuat naik dokumen yang jelas," katanya.

WAKTU SOLAT	Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang								Klang dan Kuala Langat								Sabak Bernam dan Kuala Selangor							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak			
25 Khamis	5:50	6:00	7:11	1:23	4:45	7:30	8:44	5:51	6:01	7:12	1:23	4:46	7:30	8:44	5:51	6:01	7:12	1:25	4:47	7:33	8:46			
26 Jumaat	5:50	6:00	7:11	1:23	4:45	7:30	8:44	5:51	6:01	7:12	1:23	4:46	7:30	8:44	5:51	6:01	7:12	1:25	4:47	7:33	8:46			
27 Sabtu	5:50	6:00	7:11	1:23	4:45	7:30	8:43	5:51	6:01	7:12	1:23	4:45	7:30	8:43	5:52	6:02	7:12	1:25	4:47	7:33	8:46			
28 Ahad	5:50	6:00	7:11	1:23	4:44	7:30	8:43	5:51	6:01	7:12	1:23	4:45	7:30	8:43	5:52	6:02	7:12	1:25	4:47	7:33	8:46			
29 Isnin	5:50	6:00	7:11	1:23	4:44	7:30	8:43	5:51	6:01	7:12	1:23	4:45	7:30	8:43	5:52	6:02	7:12	1:25	4:46	7:32	8:46			
30 Selasa	5:51	6:01	7:11	1:22	4:44	7:30	8:43	5:52	6:02	7:12	1:23	4:45	7:30	8:43	5:52	6:02	7:12	1:25	4:46	7:32	8:45			
31 Rabu	5:51	6:01	7:11	1:22	4:44	7:30	8:43	5:52	6:02	7:12	1:23	4:44	7:30	8:43	5:52	6:02	7:12	1:25	4:46	7:32	8:45			

WAKTU SOLAT  
25 - 31 JULAI 2024  
19-25 MUHARRAM 1446H



PKNS

# Pilih Karnival Kota Puteri Crown City

## 27-28 JULAI 2024

### SABTU 8 PG - 10 MLM & AHAD 8 PG - 6 PTG GALERI JUALAN KOTA PUTERI CROWN CITY

SUKAN RAKYAT | PERTUNJUKAN LAYANG-LAYANG | ZUMBA | HIBURAN UNTUK SEISI KELUARGA | KONSERT MINI | AKTIVITI KANAK-KANAK | TRAK MAKANAN | CABUTAN BERTUAH & PELBAGAI AKTIVITI MENARIK

PERSEMBAHAN ARTIS POPULAR TANAH AIR



Azlan & The Typewriter



NUHA BAHRIN



ZUBIR KHAN



EZRA KAIRO

03 5525 0300

pkns.gov.my

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor  
PKNS OFFICIAL

Dibawakan Oleh  
**PKNS HOMES**

Dengan Kerjasama  
Majlis Perbandaran Selangor

## Kerjasama perluas tanam jagung bijirin

**SABAK BERNAM** - Selangor bakal menjalin kerjasama dengan Pahang dan Sabah bagi memperluas tanaman jagung bijirin berkualiti tinggi.

EXCO Pertanian Ir Izham Hashim berkata pihaknya kini sedang mengenal pasti tanah yang sesuai untuk mengusahakan tanaman tersebut.

"Kita akan jalin kerjasama dengan Pahang dan Sabah untuk usahakan tanaman ini. Kini kita dalam perbincangan awal untuk mengenal pasti tanah yang sesuai," katanya pada 23 Julai.

Pada 21 Januari, Kerajaan Negeri menerusi Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor menuai 118 tan hasil pertama jagung bijirin berkualiti tinggi yang mula ditanam tahun lalu.

## Sijil halal kukuh imej produk

**SABAK BERNAM** - Syarikat bumiputera diseru memohon sijil halal bagi mengukuhkan imej produk sekali gus bersaing serta meneroka pasaran luar negara.

EXCO Agama Islam Dr Mohammad Fahmi Ngah berkata hanya 30 peratus daripada keseluruhan pemohon sijil halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) adalah pengusaha bumiputera.

"Berdasarkan data, bukan bumiputera lebih berminat kerana mereka faham kalau hendak masuk pasaran mesti ada sijil halal kerana pengguna ramai beragama Islam.

"Kita galakkan bumiputera juga memohonnya. Memang memohon sijil halal ada kos tetapi ia tidak menekan. Pengusaha bumiputera perlu merebut peluang kerana sijil halal Malaysia diiktiraf peringkat antarabangsa," katanya pada 22 Julai.

## Bantu 10,000 dapat kerja

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri menetapkan sasaran untuk membantu kira-kira 10,000 pencari kerja di Selangor melalui penganjuran Karnival Kerjaya Jelajah Jobcare Selangor pada tahun ini.

EXCO Sumber Manusia V Papparaidu menjelaskan program yang memasuki tahun ketiga itu diadakan di setiap daerah di Selangor sehingga akhir Disember.

"Cita-cita saya besar, saya harap program ini sekurang-kurangnya membantu 10,000 orang untuk mendapatkan pekerjaan baharu. Tapi itu jangkaan, saya harap angka itu boleh capai lebih tinggi.

"Untuk karnival kerjaya tahun ini, ia sama seperti penganjuran dua tahun lalu. Saya gembira kerana program ini sentiasa mendapat sambutan baik daripada masyarakat," katanya pada 17 Julai.

# Bangunkan lima projek untuk rakyat

**SHAH ALAM** - Pihak berkuasa tempatan (PBT) diarah menyenarai lima projek khidmat awam yang mahu dijayakan dalam tempoh 100 hari selepas cukai tafsiran baharu dikuat kuasa.

EXCO Kerajaan Tempatan Dato' Ng Suee Lim berkata inisiatif itu menunjukkan kesungguhan PBT selepas mengenakan kadar baharu sekali gus membolehkan pembayar cukai mengetahui arah tuju bayaran.

"Saya minta semua PBT huraikan lima projek penting untuk rakyat yang boleh diselesaikan dalam tempoh 100 hari dan

projek boleh siap dalam setahun.

"Projek ini berkait dengan perkhidmatan kepada rakyat contohnya penyediaan prasarana, naik taraf jalan atau landskap untuk pembayar cukai tahu apa PBT mereka lakukan," katanya dalam sidang Dewan Negeri Selangor baru-baru ini.

Beliau berkata kenaikan cukai perlu memandangkan terdapat PBT yang perlu menggunakan separuh daripada belanjawan tahunan bagi memastikan khidmat kepada rakyat lancar serta teratur.

"PBT berdepan kekangan contohnya urus sisa pepejal yang memerlukan kos tinggi. Ada majlis yang perlu tanggung 30 hingga 50 peratus (belanjawan tahunan) untuk kos kutipan," katanya.

Pada 30 Mei, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan proses penilaian baharu dijalankan PBT demi memastikan keberkesanan perancangan bandar.

Antara 20 hingga 40 tahun ini, lapan PBT tidak membuat semakan kadar cukai taksiran membabitkan tanah kosong, perumahan, kilang dan perniagaan.

## Kurang pembaziran padi

# Jentera mini tuaian tingkat hasil tani

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

**SABAK BERNAM** - Kerajaan Negeri bercadang menambah jentera menuai (jentuai) mini bagi membantu pesawah berdepan kehilangan hasil.

EXCO Pertanian Ir Izham Hashim berkata penggunaan itu mengurangkan pembaziran padi sehingga lima peratus berbanding 20 peratus sebelum ini.

"Salah satu kaedah terbaik untuk tingkatkan hasil padi adalah menukar

kepada jentuai mini.

"Jentuai besar menyebabkan banyak kehilangan padi sekitar 20 peratus. Contohnya jika 1,000 hektar anggaran pengeluaran padi 7,000 tan pesawah boleh rugi kira-kira 1,400 tan.

"Dengan penggunaan jentuai mini, pesawah kehilangan lima peratus sahaja. Di Selangor, kita ada tujuh mesin jentuai iaitu tiga bawah Jabatan Pertani-



an selebihnya diuruskan Pertubuhan Peladang Negeri Selangor bahagian jentera," katanya.

Beliau melawat Pertubuhan Peladang Negeri dan menyerahkan dua jentuai mini berharga RM310,000 pada 23 Julai.

Ir Izham menjelaskan Kerajaan Negeri kini dalam proses memajukan pertanian dengan meningkatkan hasil sekali gus menambah pendapatan menerusi penggunaan teknologi moden.

# Jumlah pelancong Jepun bertambah

**SHAH ALAM** - Seramai 110,018 pelancong Jepun berkunjung ke Selangor tahun lalu, meningkat 49 peratus berbanding 73,822 orang pada 2022, kata EXCO Pelancongan Dato' Ng Suee Lim.

Beliau juga yakin bilangan berkenaan terus meningkat sekali gus membantu mencapai sasaran lapan juta pelancong sempena Tahun Melawat Selangor pada tahun depan.

"Pelancong Jepun semakin ramai.

Penganjuran Festival Bon Odori antara usaha menunjukkan keterbukaan kita merai pelbagai budaya termasuk Jepun.

"Jepun juga antara lima negara yang kita beri tumpuan. Kita harap penganjuran tahunan ini meningkatkan lagi bilangan pelancong ke sini," katanya pada 21 Julai.

Beliau yang diiringi Ketua Pegawai Eksekutif Tourism Selangor Azrul Shah Mohamad beramah mesra dengan pe-

ngunjung Festival Bon Odori ke-48 selain melawat gerai makanan.

Festival sempena pesta kebudayaan musim panas Negara Matahari Terbit itu di Kompleks Sukan Negara Shah Alam di sini dihadiri lebih 40,000 pengunjung.

Rata-rata termasuk rakyat tempatan datang seawal jam 4 petang sambil berpakaian tradisional Jepun antaranya kimono, yukata dan hakama.

# RM300,000 baiki kemudahan desa

**SEPANG** - Kira-kira RM98,000 diperuntuk bagi membaiki pulih dan menurap dua jalan di Kampung Orang Asli Sungai Buah, Dengkil di sini, kata EXCO Hal Ehwal Orang Asli V Papparaidu.

Beliau berkata projek di Lorong Sungai Buah Empat dan Lorong Sungai Buah Lima sepanjang 250 meter itu penting berikutan ia laluan utama menghubungkan tiga perkampungan Orang Asli.

Tiga kawasan berkenaan adalah Kampung Orang Asli Sungai Buah, Kampung Orang Asli Bukit Tunggul dan Kampung

Orang Asli Sungai Klebang.

"Jalan ini menjadi laluan utama harian penduduk seperti ke sekolah dan sebagainya. Keadaan permukaan yang tidak rata serta rosak membahayakan mereka terutama pada waktu malam.

"Lepas turap, jalan jadi cantik dan bantu mereka menjalankan kegiatan harian dengan selesa," katanya selepas acara gotong-royong di Kampung Orang Asli Sungai Buah di sini pada 21 Julai.

Papparaidu memberitahu sebanyak RM300,000 diperuntuk Kerajaan Negeri

bagi menjayakan kerja baik pulih dan naik taraf prasarana kampung Orang Asli di Selangor pada tahun ini.

Beliau menambah dana berkenaan untuk kerja baik pulih dan turapan jalan, pembaikan lampu jalan, pembinaan jambatan serta baik pulih kediaman selain mengatasi isu bekalan elektrik.

"Dalam lawatan, kita kenal pasti ada kawasan terlalu jauh dari jalan utama dan susah dapat elektrik. Jadi kita bercadang pasang lampu solar di kawasan terlibat," katanya.



**SOKONGAN...** Pengerusi dan Pengurus Pasukan Piala Sultan Selangor Tan Sri Abd Karim Shaikh Munisar (tengah) bersama Datuk Bandar Subang Jaya (MBSJ) Dato' Amirul Azizan Abd Rahim (kiri) dan Timbalan Datuk Bandar Mohd Zulkurnain Che Ali (kanan) mempamer jersi sempena siri jelajah promosi dan penyerahan tiket di ibu pejabat MBSJ, Subang Jaya pada 24 Julai. Semua 20,000 tiket habis dijual selepas kunjungan terakhir di MBSJ. Foto MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN

Sasar menang peringkat kebangsaan

# Lima kali juara baca puisi

Oleh NORRASYIDAH ARSHAD

**SHAH ALAM** - Kemunculan semula bapa empat anak dalam Sayembara Deklamasi Puisi Kemerdekaan peringkat negeri berbaloi apabila beliau sekali lagi dinobatkan sebagai juara untuk kali kelima.

Kali terakhir pada 2018 termasuk mewakili Selangor ke peringkat kebangsaan, Shahrul Fadilah Ibrahim, 51, memberitahu kejayaan tersebut diraih sepanjang 20 tahun berkecimpung dalam dunia seni.

"Saya sertai beberapa kali pertandingan ini. Tahun 2006, 2008, 2013 dan 2018. Keempat-empat tahun ini saya menang cuma pada peringkat kebangsaan belum ada rezeki.

"Tahun ini, saya akan cuba buat terbaik untuk beri kemenangan kepada Selangor. Tidak mudah tetapi saya akan cuba membanggakan negeri," katanya yang kini bekerja sendiri pada 21 Julai.

Beliau mengalahkan lima lagi peserta akhir sekali gus membawa pulang wang tunai RM1,000, baucar bernilai RM400, cenderamata dan piala iringan.

Shahrul Fadilah bakal mewakili negeri dalam kejohanan peringkat kebangsaan yang dijadual berlangsung di

Hotel Mardhiyyah di sini pada 23 Ogos.

Naib johan Elvienie Petrus, 24, pula berkata perpindahan dari Sabah ke semenanjung sejak 10 tahun lalu menjadi titik tolak penglibatannya dalam sayembara puisi berkenaan.

Mendapat tempat ketiga peringkat Perak tahun lalu, bakal guru itu mengakui mencintai kesusasteraan Melayu sejak kecil.



"Bila pindah ke sini, terus saya tanam impian untuk masuk sayembara ini. Tahun lepas, saya sertai di Perak dan kini Selangor. Saya akan sertai lagi pada tahun mendatang," katanya.

Seramai 45 peserta termasuk 11 anak muda berusia antara 20 hingga 25 tahun selain mahasiswa bersaing dalam sayembara di Pustaka Raja Tun Uda di sini selama dua hari mulai 20 Julai.

Menurut Pengarah Festival Puisi Selangor Azree Ariffin, program itu padat slot forum yang mengupas topik berkaitan sastera dan budaya yang turut dihadiri tiga Sasterawan Negara.

Festival julung kali yang dibawa Jawatankuasa Tetap Kebudayaan Negeri Selangor itu dikendalikan Persatuan Penulis dan Kebajikan Negeri Selangor (Kemudi) dengan kerjasama pelbagai pihak.

## Usaha martabat seni, sastera

**SHAH ALAM** - Festival Puisi Selangor selama dua hari yang julung kali diadakan di Pustaka Raja Tun Uda di sini menyemarakkan lagi perkembangan dunia seni dan budaya.

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Dato' Johary Anuar berkata acara tersebut menjadi titik tolak untuk semua pihak menggembleng tenaga bagi mengembangkan industri itu.

"Saya menyeru semua pihak untuk cakna dan mengambil perhatian sewajarnya sekali gus membantu sastera terus unggul dan cemerlang di negeri ini," katanya pada 21 Julai.

Festival berkenaan menggabungkan tiga acara iaitu Sayembara Deklamasi Puisi Kemerdekaan ke-38, sambutan Hari Puisi Selangor dan Dekad Membaca Kebangsaan peringkat negeri.

Anjuran Persatuan Penulis dan Kebajikan Negeri Selangor (Kemudi), festival itu menampilkan tiga Sasterawan Negara Datuk Dr Zurinah Hassan, Datuk Dr Siti Zainon Ismail dan Dato' Rahman Shari.

Johary juga memuji kesungguhan Kemudi sebagai persatuan sastera negeri yang teguh memelihara khazanah seni Melayu tanpa mengenal penat lelah.

**TRIO**  
HAK MILIK KEKAL

**7% Bumiputera  
% Diskaun**

**Pangapuri Perkhidmatan  
Di Bandar Bukit Tinggi Klang**

Saiz dari 624 kps - 1,313 kps  
**Unit Bumiputera Sedia Untuk Didiami**  
15 Fasiliti Ala-Resort Yang Eksklusif  
200m Ke Stesen LRT3

**Trilowalk**

**Berhampiran LRT3  
Dan Lebuhraya Utama**

**Populasi Penduduk  
Yang Sedia Ada**

**32 Unit Eksklusif Yang  
Mesra Perniagaan**

Stay Together. Stay Setia  
livelearnworkplay

Hubungi +603 3005 1025  
[www.triobysetia.com.my](http://www.triobysetia.com.my)  
TRIO SALES GALLERY  
D-2-14, Block D, Tingkat 2, Pangapuri TRIO, Jalan Langat KS/06,  
Bandar Bukit Tinggi, 41200 Klang, Selangor.  
Email: [trio\\_sales@spsetia.com](mailto:trio_sales@spsetia.com)

Penafian Tuntutan: Bahan cetak ini dihasilkan atas tujuan menarik perhatian orang awam sahaja, maka tidak boleh dianggap sebagai tawaran penjualan. Maklumat yang terkandung dalam iklan ini tertakluk kepada perubahan malah tidak boleh dianggap sebagai sebahagian daripada tawaran atau perjanjian. Semua lukisan adalah hasil tanggapan pelukis semata-mata. Segala ukuran hasil daripada jangkaan.

## Kaji model aturan kerja anjal

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri mengkaji model aturan kerja anjal di syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan sektor swasta bagi menyeimbangkan tuntutan keperluan antara keluarga serta kerjaya.

Menggalakkan wanita bekerja, EXCO Pembangunan Keluarga Anfaal Saari memberitahu langkah itu memberi peluang kepada pekerja berstatus ibu untuk mengurus masa dengan lebih baik.

"Model (waktu anjal) ini diguna pakai dalam sebahagian sektor termasuk kerajaan. Bagi yang sudah melaksanakannya, boleh teruskan.

"Cuma buat masa ini, kita mahu kaji keberkesanan. Satu sesi libat urus dan soal selidik akan dilakukan bersama sektor korporat dan kerajaan," katanya baru-baru ini.

## Tangani isu kesihatan mental

**SHAH ALAM** - Isu kesihatan mental akan diberi lebih perhatian tahun ini termasuk penyediaan Hab Mental SEHAT (Selangor Mental Sihat) bagi membantu individu yang ada isu tekanan perasaan.

Ahli Penasihat Kesihatan Awam Negeri Dr Mohammad Farhan Rusli berkata pelbagai inisiatif dibuat sejak beberapa tahun lalu bagi mengurangkan masalah itu termasuk membiayai sepenuhnya kos ubat.

"Kes kesihatan mental kian meningkat, sebab itu kita lancarkan pelbagai inisiatif antaranya program subsidi untuk menjalankan sesi bersama pakar psikiatri dan kaunkselor bertauliah.

"Ini luar dari sistem Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kita turut sediakan Talian SEHAT untuk memudahkan pesakit membuat aduan," katanya lagi pada 21 Julai.

## 300 mohon anjur jualan murah

**SHAH ALAM** - Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) menerima 300 permohonan untuk mengajurkan Jualan Ehsan Rahmah (JER) yang dibuka dalam talian sejak Mac.

Pengurus Komunikasi Strategiknya Noor Azreena Abdul Aziz memberitahu pihaknya giat meneliti setiap permohonan jualan barangan asas berkenaan.

Beliau memaklumkan permohonan perlu mematuhi syarat tetapi menegaskan PKPS sentiasa menjadi pemudah cara terutama melibatkan hal pemilihan lokasi sebelum meluluskan sebarang permohonan.

"Kita akan pergi ke lokasi untuk melihat kesesuaian. Kita juga hubungi pusat khidmat masyarakat Dewan Undangan Negeri untuk sediakan khemah, meja dan kipas," katanya pada 20 Julai.

Orang ramai boleh menyemak lokasi mutakhir JER di seluruh negeri menerusi Facebook PKPS, imbas kod QR di poster jualan atau pautan linktr.ee/myPKPS

## Usaha tangani masalah kurang zat

**AMPANG JAYA** - Prihatin terhadap kesihatan dan perkembangan fizikal kanak-kanak, Kerajaan Negeri berusaha memberi kesedaran kepada ibu bapa mengenai kepentingan makanan berkhasiat.

Menurut EXCO Kesihatan Awam Jamaliah Jamaluddin, isu kekurangan zat dapat diatasi dalam pengurusan data pertumbuhan kanak-kanak melalui Mini Fiesta Saringan Asas Kanak-Kanak.

Katanya, program itu bertujuan memperoleh maklumat berat badan, ketinggian dan umur supaya Sukarelawan Kesihatan Komuniti Selangor boleh memastikan kanak-kanak itu sihat ataupun tidak.



"Selain itu, mereka memberi petua bagaimana untuk menjaga pemakanan yang sihat dan menjalankan aktiviti yang sesuai untuk kanak-kanak," katanya pada 20 Julai.

Program di Pusat Khidmat Masyarakat Dewan Undangan Negeri Teratai di sini disertai lebih 500 kanak-kanak. Hadir sama, wakil rakyat Teratai Yew Jia Haur dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Dr Ani Ahmad.

Peluang tersebut turut dimanfaatkan ibu bapa berkerjaya yang tidak ada banyak masa untuk menyediakan makanan berkhasiat untuk anak-anak.

Pekerja swasta Noor Ain Sapuan, 36,

berkata program itu mendedahkan ibu bapa mengenai kaedah pemakanan termasuk cara dan waktu makan yang sesuai untuk tumbesaran kanak-kanak.

"Sangat bagus sebab dari kecil sudah ada saringan kesihatan dan memupuk kesedaran daripada kecil untuk anak-anak kita," katanya yang ditemani suami, Mohd Ammar Ajmal, 36.

Hasbullah Umaruddin, 42, percaya data yang diperoleh melalui program itu dapat membantu Kerajaan Negeri mengenal pasti golongan yang memerlukan sumbangan berkaitan kesihatan.

"Data tersebut untuk pantau kekurangan makanan dan obesiti. Dari situ, Kerajaan Selangor boleh beri sumbangan atau perkhidmatan kepada kanak-kanak yang memerlukan," katanya.

## Puji insentif haji negeri

# Jemaah gembira terima RM1,000

Oleh **ZAREEF MUZAMMIL**

**GOMBAK** - Rata-rata penerima Insentif Haji Muassasah menghargai keprihatinan Kerajaan Selangor terhadap jemaah melalui pemberian sumbangan RM1,000 kepada mereka.

Pensyarah Saiful Aman Sulaiman, 44, yang baru selesai mengerjakan rukun Islam kelima itu pada akhir bulan lalu mahu menggunakan insentif tersebut untuk mengadakan kenduri doa selamat.

"Terima kasih Dato' Menteri Besar (Dato' Seri Amirudin Shari) beri sumbangan ini kepada kami. Dengan bantuan ini, kami berhajat untuk buat kenduri doa selamat dalam masa terdekat.

"Ia sebagai tanda syukur kerana urusan ibadah berjalan lancar walaupun berdepan pengalaman diusir askar di sana," katanya yang turut berpeluang bertemu pemimpin negeri semasa Jamrah.

Menetap di Taman Desa Indah di sini, bapa tiga anak itu antara 70 penerima insentif tersebut bagi Dewan Undangan Undangan (DUN) Sungai Tua yang disampaikan Amirudin baru-baru ini.

Penduduk Kampung Mahkota di sini Adnan Alwi, 63, yang berangkat ke Makkah pada 22 Jun sebelum kembali pada awal bulan ini pula mahu menggunakan



insentif itu untuk perbelanjaan harian. "Banyak terima kasih kepada Kerajaan Selangor kerana sudi beri bantuan sebegini. Kami terima dengan hati terbuka," kata bapa dua anak itu yang menunaikan ibadah itu bersama isteri.

Sumbangan insentif itu dinaik daripada RM500 kepada RM1,000 melibatkan 6,000 bakal jemaah haji pada tahun ini. Pada masa depan, nilainya disasar meningkat kepada RM2,000 seorang.

Bagi tahun ini, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan RM6 juta, meningkat tiga kali ganda berbanding jumlah pada tahun lalu iaitu RM1.5 juta.

## Penjaja puas hati tapak baharu

**KUALA SELANGOR** - Penjaja yang diarah berpindah dari kawasan Eco Grandeur, Puncak Alam di sini akur dengan lokasi baharu yang ditetapkan Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS).

Memilih tapak berhadapan pasar raya Lotus's Puncak Alam, peniaga makanan Nor Miza Ruslan, 36, berharap kawasan tersebut dikunjungi orang ramai dan mendapat sambutan menggalakkan.

Mengakui bimbang hilang pelanggan setelah menjaja di lokasi lain, beliau percaya kepada rezeki ada di mana jua



selain memuji tindakan pantas MPKS yang memudahkan permohonan lesen.

"Di tempat lama ada pelanggan tetap, lokasi baharu kena cari semula pelanggan. Tentu pendapatan terjejas. Fikir hikmah yang terjadi kerana tempat baharu selamat untuk semua.

"Saya tidak takut lagi untuk berniaga kerana kini ada lesen. Proses permohonan dengan MPKS mudah, tidak seperti dimomok sebelum ini," katanya pada 19 Julai.

Peniaga lain Poziyah Aris, 43, pula berharap tapak baharu itu dilengkapi kemudahan asas termasuk bekalan elek-

trik bagi menjamin keselamatan serta kelesaan pengunjung.

"Kita perlukan sumber elektrik untuk berniaga supaya orang nampak dan tertarik untuk singgah. Kawasan sedia ada ini laluan strategik, ramai tengok dan masuk," katanya.

Pada 17 Julai, Yang Dipertua MPKS Mohamad Hanafe Basri memaklumkan pihaknya tidak bercadang mewujudkan tapak penjaja di sekitar pusat perniagaan Eco Grandeur bagi mengelak kesesakan.

Menjelaskan kawasan itu tidak digazet untuk kegiatan perniagaan, MPKS menawarkan 10 lokasi lain sekitar Puncak Alam bagi membantu golongan berkenaan.





# Kuasai pasaran Asean



Oleh **DANIAL DZULKIFLY**

Tahun kelapan pengantoran Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor (SIBS) menyaksikan program ini melakukan perubahan penting demi menyasarkan lebih banyak penyertaan dari seluruh negara dan rantau Asean.

Menerusi pendekatan menumpukan perniagaan dan pelaburan, Kerajaan Negeri secara strategik membahagikan persidangan ini kepada dua acara penting tahun ini bagi menampung pertumbuhan jumlah peniaga dan pelawat.

Masih berpegang matlamat meletak Selangor sebagai gerbang utama pelaburan di Asean, inisiatif sejak 2016 oleh Invest Selangor Sdn Bhd (Invest Selangor) kini mengembangkan lagi sayapnya dengan perancangan lebih besar.

EXCO Pelaburan, Perdagangan dan Mobiliti Ng Sze Han berkata program itu dibahagikan kepada dua – pada Julai dan Oktober – bagi memastikan keterangkuman terbaik kepada semua peserta.

Beliau berkata, langkah itu berdasarkan maklum balas peserta sebelum ini yang menyukai acara

berkenaan namun mahukan tempat yang lebih besar dan luas.

"Kami menjangkakan pengisian terbaik dalam acara-acara ini. Lebih banyak perbincangan dan peluang jaringan dihasilkan bagi memaksimumkan pelaburan dilibatkan dalam setiap acara yang dianjurkan selain pelaburan daripada semua pempamer.

"Selain itu, dengan lebih banyak fokus dan sasaran peserta hadir setiap acara, kami berharap ia mampu menghasilkan lebih banyak peluang perniagaan untuk semua pempamer," katanya baru-baru ini.

## Penambahbaikan

Persidangan tahun ini mengetengahkan beberapa acara utama: Ekspo Antarabangsa Selangor (Makanan dan Minuman) atau SIE F&B buat kali ke-10, Konvensyen Sains Hayat Selangor (SLC) kali ke-4, Ekspo Taman Perindustrian dan Pelaburan Selangor (SPARK) kali ke-4, Persidangan Perniagaan Asean Selangor (SABC) kali ke-8 dan Konvensyen Bandar Pintar dan Ekonomi Digital Selangor (SDEC) kali ke-9.

Acara SABC dan SPARK berlangsung 25 hingga 27 Julai,

manakala SIE F&B, SLC dan SDEC pula antara 16 hingga 19 Oktober.

Ng berkata, antara penambahbaikan utama program SPARK tahun ini ialah adanya beberapa program sampingan seperti pameran Selangor Investors.

Program lain antaranya mewujudkan khidmat pusat sehenti bagi memudahkan pengilang dan pelabur bertemu pihak berkuasa tempatan dan agensi teknikal di dewan pameran, sekali gus memberi pengalaman lebih baik untuk peserta.

"Pendekatan ini membolehkan pelabur berpotensi dan pengilang berminat memperkukuh perniagaan mereka dengan bertemu pegawai teknikal pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan secara langsung, sama konsep seperti Hari Bertemu Pelanggan bersama masyarakat awam.

"Kita juga ada pegawai jabatan perancang bandar dan bangunan, bersama beberapa pegawai kanan untuk menjawab persoalan secara langsung. Pusat sehenti perlu untuk menjawab sebarang pertanyaan," katanya.

Tahun ini, Sze Han berkata, SPARK mengalu-alukan lebih banyak penyertaan dari negara Asia Tenggara bagi merangsang

pendekatan bersepadu untuk memacu pelaburan dalam rantau Asean.

Acara dalam SABC pula mengetengahkan jurucakap terkenal termasuk wakil Malaysia Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Tengku Zafrul Abdul Aziz, beberapa menteri besar dan wakil dewan perniagaan dari beberapa negara.

"Agenda ini termasuk topik perdagangan antara negara Asean sementara Selangor berperanan sebagai gerbang ke Asean sekali gus melestari pelaburan," kata Sze Han.

Beliau juga menyatakan SDEC memperkenalkan sesi menumpukan inisiatif terbaharu negeri iaitu taman reka litar bersepadu (IC) dan Pemacu Semikonduktor Malaysia.

"Usaha ini menarik lebih ramai peserta berkualiti hadir ke setiap program. Sebelum ini, kita menggabungkan program ini dengan menjangkakan pelawat silang sektor, sebagai contoh pelawat pelaburan hadir ke SIE (F&B) juga akan melawat SPARK.

"Walau bilangan keseluruhan pelawat menggalakkan, kehadiran mereka tidak semestinya dijadikan sasaran utama peserta bagi setiap acara khusus. ▶

## PERKEMBANGAN SIBS

### SIE 2015

- dikenali Ekspo Antarabangsa Selangor (SIE)
- promosi sektor makanan dan minuman
- tarik 4,316 pengunjung

### SIE 2016

- sidang bandar pintar, perniagaan dan taman industri diperkenalkan
- pengunjung seramai 10,689

### SIBS 2017

- mula dijenama kepada SIBS
- lebih 22,000 pelawat dalam 10 hari penganjuran
- rekod 8,069 pelawat perdagangan global
- SIE jadi sebahagian SIBS, ditambah Bandar Pintar Selangor dan Konvensyen Perdagangan Masa Depan serta Persidangan Perniagaan Selangor-Asean

### SIBS 2018

- rekod RM204.2 juta nilai transaksi
- lebih 22,000 pelawat dalam empat hari penganjuran

### SIBS 2019

- catat RM447.3 juta nilai transaksi
- tarik 34,683 pelawat sepanjang empat hari berlangsung
- acara utama termasuk Ekspo The dan Kopi Antarabangsa Malaysia, Persidangan Usahawan Malaysia-China, Festival Masakan Selangor dan Persidangan Halal Antarabangsa Selangor

### SIBS 2020

- dianjurkan secara maya rentetan Covid-19
- 170,000 khalayak digital dari 54 negara selama empat hari
- 51 penceramah, 286 pempamer dan padanan perniagaan bernilai lebih RM1 juta direkod

### SIBS 2021

- dianjurkan secara dalam talian dan bersemuka
- 25,410 pelawat dan 180,000 pelawat maya sepanjang empat hari
- RM217.6 juta nilai urus niaga
- pengenalan Ekspo Antarabangsa Selangor (Perubatan) 2021 dan Ekspo Taman Perindustrian Selangor (SPARK) 2021

### SIBS 2022

- hampir 50,000 pelawat awam dan perdagangan sepanjang empat hari
- capai rekod transaksi RM1.45 bilion
- antara acara Sidang Kemuncak Antarabangsa Selangor untuk Makanan dan Minuman ke-8, Persidangan Perniagaan Asean Selangor ke-6, Konvensyen Bandar Pintar dan Ekonomi Digital Selangor ke-7, Ekspo R&D dan Inovasi Selangor ke-3, dan Ekspo Taman Perindustrian Selangor ke-2

### SIBS 2023

- Merekod nilai transaksi RM6.12 bilion, empat kali lebih tinggi daripada sasaran RM1.5 bilion
- Sebanyak 1,006 reruai meliputi lapan dewan ekspo dan tujuh dewan persidangan
- Menampilkan SIE F&B ke-9, SABC ke-7 dan SDEC ke-8

### SIBS 2024

- Dianjurkan dalam dua acara iaitu pada 25 - 27 Julai dan 16 - 19 Oktober di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur
- Menyasarkan nilai transaksi RM7 billion, lebih RM1 billion berbanding tahun sebelumnya

"Dengan pengasingan kepada dua sesi, kita akan fokus untuk membawa pelawat yang melabur atau pembeli kepada beberapa sektor spesifik kami dan pelabur berpotensi untuk melabur kepada sektor spesifik itu."

Bagi SIE F&B, Sze Han berkata pihaknya sedang bekerjasama dengan salah satu pempamer utama, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan untuk mengadakan forum sehari berkaitan topik keterjaminan makanan.

Beliau berkata, Persidangan Antarabangsa Halal Selangor atau SELHAC menyertai SIBS buat kali pertama tahun ini di bawah SIE F&B 2024. Ia dapat membantu syarikat tempatan dan antarabangsa menembusi pasaran halal di rantau ini.

Acara penting lain ialah tiga forum utama ketika subkonvensyen SLC termasuk forum Kelestarian Masa Depan Selangor - Korea yang membincangkan teknologi biotani dan bidang lain berkaitan.



### Hubungan global

Menerusi SIBS selaku pintu pelaburan, Sze Han berkata Kerajaan Negeri melengkapkan platform itu dengan lawatan perdagangan antarabangsa berstrategik.

Beliau berkata, misi pelaburan serampang dua mata itu menarik pelaburan asing dan menggalakkan perkongsian global bernilai tinggi.

Tempoh separuh pertama 2024 menyaksikan Selangor berada dalam satu siri usaha sama antarabangsa merentasi empat negara dan tiga benua, melibatkan inovasi teknologi dan galakan industri semikonduktor.

Sebagai permulaan, 10 syarikat tempatan pemula diketengahkan dan pertemuan peringkat tertinggi di Sidang Kemuncak dan Ekspo Bandar Pintar di Taiwan pada Mac.

Ia disusuli misi seminggu ke China pada April melibatkan 21 pertemuan dengan syarikat dan agensi kerajaan di Shanghai, Suzhou dan Shenzhen, bertujuan menarik firma reka litar bersepadu China.

Usaha meluaskan capaian global dibuat bulan berikutnya menerusi lawatan ke Jepun bertujuan menumpukan akses pasaran untuk syarikat pemula dan penyelesaian mobiliti di Tokyo dan Osaka.

Kemudian dalam Jun, delegasi Selangor mempromosikan SDEC pada Minggu Teknologi London 2024, diikuti perbincangan bersama syarikat mikroelektronik Weeroc

di Paris, Perancis berhubung potensi pembabitan dalam taman reka litar bersepadu Selangor.

"Semua lawatan ini penting untuk menarik teknologi terkini dan amalan terbaik di Selangor.

"Mereka juga meletakkan kita sebagai lokasi utama pelaburan bernilai tinggi di samping mengiktiraf kekuatan rakan kongsi global kita," kata Sze Han.

### Modal insan

EXCO Pelaburan itu berkata, inisiatif penting negeri, termasuk taman reka litar bersepadu di Puchong dan misi perdagangan antarabangsa, antara strategi jangka panjang Selangor memperbanyak bilangan pekerjaan berpendapatan tinggi dan meningkatkan taraf hidup penduduk.

Selangor ada ramai graduan dan tenaga kerja, namun Sze Han tidak menafikan berlaku ketidakpadanan kemahiran kerana jurang keperluan pasaran kerja. Justeru, Kerajaan Negeri menumpukan program pembangunan bakat bersasar.

"Usaha kita bukan hanya menarik pelaburan bernilai tinggi. Kita komited membangunkan modal insan yang memenuhi permintaan industri berkemahiran tinggi.

"Negeri ini merancang membantu pencari kerja melalui perkongsian strategik yang menasaskan latihan semula individu daripada tidak mahir kepada separa mahir dan kemudian berkemahiran tinggi, berteknologi tinggi," katanya.

Sze Han berkata, sebahagian inisiatif utama ialah bekerjasama dengan peneraju semikonduktor global seperti CMSC Inc dan MaiStorage, bagi pemindahan kepakaran dan pengetahuan kepada jurutera tempatan melalui program latihan, bengkel dan program mentor.

Beliau berkata, Pemacu Semikonduktor Malaysia turut membantu pencari kerja dengan meningkatkan kemahiran bakat tempatan menerusi pembangunan pengalaman profesional dalam sektor semikonduktor.

Peranannya sama dengan Sekolah Digital Selangor yang menumpukan latihan teknologi tinggi, menyelaras kurikulum dengan keperluan industri dan projek praktikal menghasilkan graduan yang bersedia dengan pekerjaan.

*Diolah daripada artikel Welcoming the best from Asean terbitan Selangor Journal edisi Julai*

- Taiwan (Mac 2024): Selangor menyertai Sidang Kemuncak dan Ekspo Bandar Pintar dengan 10 syarikat pemula tempatan bertemu syarikat teknologi berprofil tinggi seperti Phison Electronics dan CMSC Inc bagi melonjak industri semikonduktor negeri
- China (April 2024): Misi seminggu menerokai kawasan syarikat semikonduktor berteknologi tinggi di Shanghai, Suzhou, and Shenzhen. Sebanyak 21 pertemuan berasingan dengan 16 syarikat dan 10 agensi diadakan untuk menarik firma reka litar bersepadu China
- Jepun (Mei 2024): Misi melawat Tokyo menerokai peluang akses pasaran global untuk syarikat pemula Selangor. Di Osaka, delegasi mempelajari penyelesaian mobiliti membantu Selangor mewujudkan bandar pintar masa depan
- Britain dan Perancis (Jun 2024): Menyertai Minggu Teknologi London 2024 untuk mempromosi hub semikonduktor SDEC. Rombongan kemudian ke Paris menemui syarikat mikroelektronik Weeroc meneroka potensi terbabit dalam taman reka litar bersepadu Selangor

# Fasih Arab, nama 'meletup' di TikTok

Oleh ABDUL RAHIM SABRI

**B**erkat kefasihan berbahasa Arab, anak Melayu kelahiran Petaling Jaya mendapat sambutan luar biasa setelah namanya 'meletup' dalam media sosial TikTok dan Instagram.

Dikenali Syukri Arab, pelajar terbaik Kuliah Pengajian Islam dan Bahasa Arab di Universiti Al-Azhar, Mesir memfokus kandungan selama empat bulan sejak April, sekali gus menjadikan jumlah pengikutnya meningkat luar biasa.

Di TikTok, jumlahnya meningkat lebih seganda menjadi 871,800 orang berbanding 400,000 orang sebelumnya. Peminatnya di Instagram pula naik lebih 585,00 individu, bertambah daripada kira-kira 100,000 kepada 685,000 setakat 23 Julai.

Mohammad Syukri Abdullah berjaya menarik ramai peminat antarabangsa khususnya dari negara rantau Arab di TikTok dan Instagram kerana klip video disediakan dalam bahasa itu.

Mesir merekodkan peratusan pengikut tertinggi masing-masing 21.6 peratus dan 18 peratus. Arab Saudi berada di tangga kedua tertinggi di TikTok dengan 18.3 peratus, Algeria (8.8 peratus), Maghribi (5.1 peratus), Iraq (4.3 peratus), Libya (3.9 peratus) dan Sudan (3.3 peratus).

Peminat beliau di Instagram pula, Maghribi mencatat 11.1 peratus dan Algeria sebanyak 8.7 peratus. Peminat di Malaysia dan Indonesia juga tidak ketinggalan menonton kerana video disertakan sarikata bahasa Melayu.

Jumlah pengikutnya di TikTok dan Instagram di Malaysia masing-masing seramai 24.4 peratus dan 8.7 peratus. Diikuti peminat Indonesia sebanyak 6.5 peratus dan 11 peratus.

Syukri menumpukan kandungan video antaranya nasihat agama berkaitan amanah, kelebihan beribadah di masjid dan hati yang mati berdalilkan al-Quran, Hadis, kisah sahabat Nabi Muhammad SAW dan ulama silam.

Rata-rata klip video disediakan dalam tempoh satu atau dua minit, antara kandungannya tentang perbezaan maksud perkataan ar-Rahman dan ar-Rahim dalam lafaz Bismillah yang mencatat sembilan juta tontonan, jumlah paling tinggi setakat ini di TikTok beliau.

Hasil kerja dan populariti yang diraih, beliau dijemput oleh Sekretariat Festival Turath Islami Selangor pada Mei, untuk membantu mempromosi acara pengajian berkitab secara talaqqi di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.

Program keagamaan selama seminggu itu sekali lagi menjemput bekas mufti besar Mesir Prof Dr Ali Jum'ah Muhammad Abdul Wahab untuk menghurai kitab Hadis 40 Imam Nawawi. Sebelum ini beliau membahas kitab Ihya



Ulumuddin, karya Imam al-Ghazali.

Mohammad Syukri bijak menyulam pelbagai elemen emosi antaranya sedih, serius, gembira atau marah dalam dialog bahasa Arab menerusi klip videonya.

Faktor itulah menarik ribuan orang malah ada sehingga mencecah jutaan orang menonton video di saluran TikTok dan Instagram beliau.

Video bertajuk 'Lagu Syair Arab Lidah Berbelit' yang dimuat naik di TikTok sejak dua tahun lalu, merekodkan 9.7 juta tontonan.

## Jelajah kampung

Ditemu bual Selangorkini 28 Jun lalu, Mohammad Syukri mendedahkan punca beliau mahir berbahasa Arab kerana suka menjelajah perkampungan Arab yang juga tempat asal rakan-rakan sekuliahnya ketika di Universiti Al-Azhar antara 2018 hingga 2022.

Didorong minat mendalam terhadap budaya Arab, pempengaruh itu sekurang-kurangnya dua atau tiga kali sebulan ke kawasan perkampungan antaranya Iskandariyah yang terletak di barat

laut Kaherah, Ismailiyah (timur laut Kaherah), Daqahliyah dan Banha (utara Kaherah), yang mengambil masa dua hingga lima jam perjalanan menaiki keretapi.

Ketika tempoh awalnya menjejak kaki di Kaherah, pempengaruh media sosial itu hanya tinggal sebulan di asrama Selangor sebelum berpindah ke rumah sewa.

Walau dipujuk pelajar senegara supaya menanggung rancangannya, Mohammad Syukri memilih menetap bersama rakan sekuliah daripada Mesir, Toriq Hisham di sebuah rumah sewa selama empat tahun. Justeru, penguasaan komunikasi berbahasa Arab baku semakin lancar.

"Tapi kita tidak boleh bersabar, kita tak boleh duduk dengan orang Malaysia dah. Saya terus duduk dengan (pelajar) Arab. Saya terus duduk rumah sewa dengan orang Arab Mesir. Saya sewa bilik dengan orang Arab Mesir," kata siswa berusia 25 tahun itu.

Sepanjang tempoh itu, pemegang biasiswa Menteri Besar Selangor 2018 itu tekun menelaah dan berkomunikasi dalam bahasa Arab dengan sahabat sebilik sehinggalah dianugerahkan antara 10 pelajar antarabangsa terbaik bagi ijazah sarjana muda kursus itu dengan keputusan sangat baik (jayyid jiddan atau 81.91 peratus.).

Memandangkan hanya segelintir daripada 1,500 pelajar Malaysia berminat dengan jurusan itu dan majoritinya pelajar Arab, maka Syukri tiada pilihan melainkan terpaksa berbahasa Arab dengan pelajar antarabangsa lain.

Pempengaruh itu sedar kebanyakan penduduk kampung yang dilawati sejak awal bercakap bahasa pasar ('ammi) Mesir dengan tetamunya. Namun mengakui mereka amat menghormati dan memuliakan tetamu termasuk membantu orang luar bercakap Arab dengan betul.

"Ramai akan sambut, beri motivasi atau bantu kamu bercakap Arab. Mereka hormat orang luar negara, daripada Malaysia. Tambah-tambah lagi kalau kita pergi ke kampung Arab," kata penerima Anugerah Kecemerlangan Pendidikan Tengku Idris Shah 2018.

Johan pertandingan syarahan bahasa Arab peringkat kebangsaan pada 2016 mengakui peminatnya daripada negara Arab banyak memberi maklum balas positif terhadap usahanya.

"Saya lebih suka tengok komen pengikut daripada (negara) Arab. Sebab bila kita buat content, Arab tersentuh. Bila tersentuh, maknanya (penyampaian) bahasa mudah difahami.

"Mereka sangat menyokong. Kebanyakan (mereka) doa kepada kita seperti 'semoga dipermudahkan urusan kamu', 'Allah mengangkat segala keresahan kamu'. Dia puji. Macam-macam lagi," kata pelajar cemerlang Sijil Tinggi Agama Malaysia 2017.



Mengenakan aksesori pelbagai etnik, peserta program sampaikan lagu Citra Malaysia Madani dengan semangat dan penuh ceria



Perdana menteri menegakkan lambang kemegahan negara ketika majlis pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang



Peserta wanita bergambar beramai-ramai sambil mengibarkan Jalur Gemilang dengan bangga di Dewan Acara Cyber



Anggota pasukan keselamatan, penjawat awam, penuntut dan wakil agensi melafaz Rukun Negara disambut hadirin



Dengan simbol pakaian pelbagai etnik, peserta mengibarkan Jalur Gemilang di atas pentas pada akhir acara pelancaran



Anwar, Amirudin dan Fahmi sama-sama mengibar Jalur Gemilang ketika melepaskan konvoi kibaran bendera



# Kibaran gemilang

Diketuai perdana menteri, semua peserta dan hadirin mengibarkan simbol kedaulatan negara sempena pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang

TANGGAL 31 Ogos sering membangkitkan semangat cintakan negara melalui kempen Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang. Setelah diadakan di Perak pada 2023, tahun ini giliran Selangor menjayakan pelancaran sambutan tersebut. Disempurnakan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di Cyberjaya, Sepang pada 21 Julai, majlis itu turut dihadiri Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari, Menteri Komunikasi Fahmi Fadzil dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Berlangsung meriah di depan pelbagai lapisan masyarakat dan pelancong asing, perdana menteri mengibar Jalur Gemilang bersama sekumpulan kanak-kanak di atas pentas dengan disambut bangga para hadirin. Program sehari itu, yang memapar kejayaan pelbagai agensi kerajaan dan kebudayaan negeri, dianjurkan menjelang Hari Kebangsaan ke-67 dan Hari Malaysia ke-61 dengan tema Malaysia Madani: Jiwa Merdeka. Lensa MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN dan REMY ARIFIN merakam sebahagian acara menarik saat pelancaran tersebut. Keterangan disediakan oleh HAFIZAN TAIB.



Perdana menteri, Dato' Menteri Besar dan menteri komunikasi teruja menyaksikan persembahan seni bela diri oleh pesilat remaja



Seorang peniaga menerangkan pakaian tradisi Melayu termasuk beberapa jenis tanjak kepada pelawat



Dengan busana tradisi Orang Asli, petugas di reruai Selangor mengangkat slogan Malaysia Madani dan Kita Selangor



Pengunjung memilih buah-buahan di reruai Selangor Fruit Valley, sebuah projek kendalian Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS)



Kanak-kanak membelek buku di rak khutubkhanah bergerak Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor



Orang ramai tidak melepaskan peluang menjelaskan bayaran saman dengan potongan 50 peratus di reruai polis trafik



Tiga kanak-kanak bermain kit pintar mTiny yang mengajar pengkodan menggunakan robot dan kad program



Gerai Jualan Ehsan Rahmah kendalian PKPS menjadi tumpuan pengunjung yang ingin membeli barangan dapur lebih murah



# Memburu emas sulung

Oleh NAZLI IBRAHIM

**M**eraih emas sulung sasaran utama kontinjen Malaysia dalam temasya Olimpik di Paris, Perancis pada tahun ini.

Lapan perak dan lima gangsa diraih sepanjang penyertaan negara dalam temasya sukan terbesar dunia itu sejak pertama kali pada 1956 di Melbourne, Australia.

Penyertaan atlet dalam Sukan Olimpik di Rio de Janeiro, Brazil pada 2016 paling cemerlang apabila membawa pulang empat perak dan satu pingat gangsa. Secara keseluruhan, acara badminton paling banyak menyumbang pingat, enam perak dan tiga gangsa.

Temasya antara 26 Julai hingga 11 Ogos menyaksikan Malaysia membariskan 26 atlet (*rujuk senarai*) bagi memburu emas melibatkan 10 jenis sukan antaranya terjun, renang, sukan pelayaran, menembak, berbasikal, angkat berat, badminton, golf dan olahraga.

Perhatian tertumpu kepada sukan berbasikal

trek dan badminton yang menjadi sandaran harapan untuk meraih emas sulung negara.

“Bukan kita tidak mahu gangsa, perak tapi hasrat negara ialah satu pingat emas. Oleh itu sasaran kita satu pingat emas,” kata Menteri Belia dan Sukan Hannah Yeoh.

Sasaran itu digalas jaguh berbasikal trek negara Datuk Azizulhasni Awang, pemain badminton perseorangan lelaki Lee Zii Jia dan pemain beregu lelaki Aaron Chia-Soh Wooi Yik.

Terkenal dengan julukan The Pocket Rocketman, Azizulhasni tampil buat kali kelima di pentas Olimpik sejak pertama kali di Beijing pada 2008.

Bergelar juara dunia 2017, beliau menang emas di Kejohanan Berbasikal Trek Asia sebanyak 12 kali. Raja Basikal Asia itu juga meraih emas acara keirin di Piala Negara-Negara Berbasikal Trek UCI di Adelaide, New Zealand pada Februari.

## Curi tumpuan

Lee Zii Jia yang berada pada tangga ketujuh

dalam senarai terbaharu Persekutuan Badminton Dunia pernah bergelar pemain badminton kedua terbaik dunia pada 2023.

Selain menjuarai All England 2021, Zii Jia turut mengungguli beberapa kejohanan utama antaranya Terbuka Australia 2024 dan Terbuka Thailand 2024.

Pasangan Aaron Chia-Soh Wooi Yik pula pernah menang gangsa ketika aksi di Tokyo 2020. Ibu negara Jepun itu juga menyaksikan beregu negara muncul juara Kejohanan Badminton Dunia 2022.

Menduduki kedudukan kelima dunia, pasangan itu juga cemerlang dalam pertandingan lain termasuk menjuarai Terbuka Denmark dan naib juara All England 2024.

Selain acara berbasikal dan badminton, Malaysia juga meletak harapan terhadap skuad pemanah untuk membawa pulang sekurang-kurangnya satu pingat.

Meski bukan pilihan, pemanah negara yang dibarisi Ariana Nur Dania Mohamad Zairi, Nurul Azreena Mohamad Fazil dan Syaqiera Mashayikh

## SENARAI ATLET MALAYSIA KE OLIMPIK PARIS 2024

### BERBASIKAL

Datuk Azizulhasni Awang  
Muhammad Shah Firdaus  
Nurul Izzah Izzati  
Nur Aisyah Mohamad Zubir

### MEMANAH

Ariana Nur Dania  
Syaqiera Mashayikh  
Nurul Azreena Mohamad Fazil

### BADMINTON

Lee Zii Jia  
Goh Jin Wei  
Aaron Chia dan Soh Wooi Yik  
Pearly Tan dan M Thinaah  
Chen Tang Jie dan Toh Ee Wei

### TERJUN

Nur Dhabitah Sabri  
Bertrand Rhodict Lises

### RENANG

Khiew Hoe Yean  
Tan Ruoxin

### OLAHRAGA

Muhammad Azeem Fahmi

### ANGKAT BERAT

Mohamad Aniq Kasdan

### MENEMBAK

Jonathan Wong

### GOLF

Gavin Kyle Green  
Ashley Lau Jen Wen

### PELAYARAN

Nur Shazrin Mohamad Latif  
Khairulnizam Mohd Afendy

# 15 wira julang kemegahan Olimpik

**MALAYSIA** menyertai temasya sukan terbesar dunia ini sebanyak 16 kali sejak penyertaan pertamanya pada Olimpik Melbourne 1956.

Sejak itu, negara hanya sekali tidak mengambil bahagian kerana memulaukan Sukan Olimpik Moscow 1980 susulan membantah pencerobohan Kesatuan Soviet ke atas Afghanistan.

Sukan Olimpik Rio 2016 merupakan penyertaan paling cemerlang kontinjen negara apabila berjaya membawa pulang empat perak dan satu pingat gangsa.

Sehingga kini, gelanggang badminton paling banyak menghadihkan pingat buat negara dengan enam perak dan tiga gangsa.

Tiga daripadanya menerusi legenda badminton perseorangan negara Datuk Lee Chong Wei dengan tiga perak pada Sukan Olimpik Beijing 2008, London 2012 dan Rio 2016, sekali gus muncul sebagai atlet negara terbanyak meraih pingat.

Atlet lain mencatat pencapaian terbaik adalah bekas jaguh pecut negara, Datuk Dr M Jegathesan dalam acara 200 meter di Tokyo 1968 dan Mexico 1972, Ishtiaq Mubarak dalam 110m lari berpagar (Mexico 1972).

Sukan seperti akuatik (terjun), badminton dan berbasikal ialah acara paling kerap disertai Malaysia.

Skuad hoki Malaysia juga lazim bertanding di Olimpik kecuali di temasya di Rom 1960, Seoul 1988, Athens 2004 dan Beijing 2008.

Bola sepak Malaysia juga dua kali layak Olimpik iaitu pada 1972 di Munich dan 1980 di Moscow.

## Pingat pertama

Badminton menjadi penyumbang pingat pertama negara menerusi pasangan beregu legenda adik-beradik Razif dan Jalani Sidek apabila meraih gangsa pada Sukan Olimpik Barcelona 1992.

Temasya berikutnya di Atlanta pada 1996, acara badminton sekali lagi menghadihkan pingat buat negara. Ketika itu pingat perak menerusi beregu lelaki Cheah Soon Kit-Yap Kim Hock serta gangsa melalui perseorangan lelaki, Rashid Sidek.

Malaysia gagal meraih sebarang pingat pada Sukan Olimpik Sydney 2000 dan Olimpik Athens 2004. Namun ketika di Athens penerjun negara Bryan Nickson Lomas mencatatkan sejarah menjadi atlet paling muda menyertainya pada usia 14 tahun.

Pada Sukan Olimpik Beijing 2008, Chong Wei muncul penyumbang pingat tunggal dengan meraih perak. Beliau sekali lagi meraih pingat perak acara badminton perseorangan lelaki apabila dikecewakan lawan sama Lin Dan dari China dalam Sukan Olimpik London 2012.

Pada temasya sama, penerjun Datuk Pandelega

diyakini berupaya naik ke podium.

Turut mencuri tumpuan ialah penerjun Nur Dhabitah Sabri. Beliau diingati peminat apabila hampir menghadihkan gangsa pada Olimpik Tokyo 2020 dalam acara terjun tiga meter papan anjal.

Kini berusia 25 tahun, beliau bertekad mahu membawa pingat dalam penampilan ketiga pada temasya kali ini, sekali gus menebus kekecewaan di Jepun tiga tahun lalu.

Perenang Tan Ruoxin yang genap berusia 18

## PUNGUTAN PINGAT OLIMPIK NEGARA

Tempat & Tahun	Acara	Atlet	Pingat
Barcelona 1992	badminton beregu lelaki	Razif Sidek & Jalani Sidek	gangsa
Atlanta 1996	badminton beregu lelaki	Cheah Soon Kit & Yap Kim Hock	perak
	badminton perseorangan lelaki	Rashid Sidek	gangsa
Beijing 2008	badminton perseorangan lelaki	Lee Chong Wei	perak
London 2012	badminton perseorangan lelaki	Lee Chong Wei	perak
	terjun 10m platform wanita	Pandelega Rinong	gangsa
Rio de Janeiro 2016	badminton perseorangan lelaki	Lee Chong Wei	perak
	badminton beregu lelaki	Goh Wee Sherm & Tan Wee Kiong	perak
	badminton beregu campuran	Chan Peng Soon & Goh Liu Ying	perak
	terjun 10m seirama wanita	Cheong Jun Hoong & Pandelega Rinong	perak
	berbasikal trek keirin lelaki	Azizulhasni Awang	gangsa
Tokyo 2020	berbasikal trek keirin lelaki	Azizulhasni Awang	perak
	badminton beregu lelaki	Aaron Chia & Soh Wooi Yik	gangsa

Sumber portal Majlis Sukan Negara Malaysia

Rinong mencatat sejarah apabila menjadi atlet wanita pertama negara membawa pulang pingat Sukan Olimpik dengan meraih gangsa dalam acara 10 meter platform wanita.

Sukan Olimpik Rio 2016 merekod pencapaian terbaik Malaysia apabila memenangi empat perak dan satu gangsa.

Chong Wei meraih perak kali ketiga peribadi sekali gus menjadi atlet Malaysia memenangi pingat Olimpik terbanyak setakat ini.

Tiga lagi pingat perak dimenangi melalui badminton beregu lelaki Goh Wee Sherm-Tan Wee

Kiong, beregu campuran Chan Peng Soon-Goh Liu Ying dan acara terjun 10 meter platform seirama Cheong Jun Hoong-Pandelega Rinong.

Pingat gangsa pula disumbang Datuk Mohd Azizulhasni Awang melalui berbasikal trek (keirin).

Sukan Olimpik Tokyo 2020 yang ditunda pada 2021 berikutan pandemik Covid-19 pula menyaksikan Datuk Azizulhasni Awang meraih perak dalam acara sama, manakala pasangan Aaron Chia-Soh Wooi Yik memenangi gangsa dalam badminton beregu lelaki.

tahun pada 6 Julai pula menjadi atlet termuda dalam kontinjen Malaysia kali ini.

Perenang kelahiran Johor Bahru itu memperoleh slot wild card bersama seorang lagi rakannya Khiew Hoe Yean.

Rouxin yang memenangi enam pingat emas di Sukan Malaysia (SUKMA) 2022 dijadual beraksi dalam acara 100 meter (m) kuak dada manakala Hoe Yean menyertai 400m gaya bebas.

Nama lain yang dijangka menjadi tumpuan penyokong antaranya Muhammad Shah Firdaus

Sahrom (berbasikal sprint dan keirin), Nurul Izzah Izzati Mohd Asri (berbasikal sprint dan keirin), Pearly Tan-Thinaah Muralitharan (badminton beregu wanita) dan Muhammad Azeem Fahmi (olahraga 100 meter pecut).

Kontinjen negara diketuai Chef De Mission Datuk Hamidin Mohd Amin manakala pembawa bendera Malaysia ialah penerjun berumur 19 tahun Bertrand Rhodict Lises dan pelayar negara berumur 25 tahun Nur Shazrin Mohamad Latif.

# Iktibar Karbala



**MARWAN BUKHARI A HAMID**  
ialah penulis dan penterjemah.  
Lulusan Universiti Yarmouk,  
Jordan dan Universiti  
Sains Islam Malaysia

**S**etibanya Saidina al-Husayn di al-Karbala, beliau bertanya pengikutnya: “Apakah nama tempat ini?” Mereka menjawab: “Karbala.” Lalu al-Husayn berkata: Karb (petaka) dan Bala (bencana).

Beliau menunaikan solat subuh pada Jumaat iaitu hari kesepuluh Muharam. Terdapat 32 pengikutnya yang menunggang kuda, sementara 40 lagi berjalan kaki.

Al-Husayn menunggang kudanya, mengambil mushaf dan meletakkannya di antara dua tangannya. Anakandanya yang sedang sakit dan lemah, ‘Ali bin al-Husayn juga menunggang kuda.

Beliau memperingatkan kepada orang ramai tentang kelebihan leluhurnya dan ketinggian kedudukannya. Beliau berkata: “Hitunglah dirimu, adakah kamu berhak memerangi insan sepertiku, sedangkan aku adalah cucunda kepada Rasulullah SAW?”

Al-Hur bin Yazid al-Riyahi, meluru ke arah kuda al-Husayn, bertaubat lalu berpindah dari pasukan Yazid dan menyertai pasukan cucunda Nabi SAW. Beliau berterusan berperang hingga terbunuh.

Shamir Zi al-Jaushan, panglima tentera Yazid pula berterusan dalam kejahatan. Dia membunuh al-Husayn sendiri setelah tentera lain berlengah-lengah daripada membunuhnya.

Al-Husayn terbunuh pada hari tersebut bersamaan 10 Muharam tahun 61 Hijrah. Bilangan sahabatnya yang terbunuh ialah 72 orang. Sebanyak 17 daripada anak keturunan ibundanya, Saidatina Fatimah binti Rasulullah telah terbunuh.

Setelah peristiwa berdarah itu, Yazid hanya berada di tampuk kuasa selama empat tahun sahaja dan meninggal pada bulan Rabiulawal tahun 64 Hijrah.

Legasi pemerintahan dalam Dinasti Umayyah selepas itu beralih kepada keluarga Marwan bin al-Hakam, sehingga akhirnya diambil alih oleh Dinasti ‘Abbasiyyah. Demikian sifat kekuasaan yang direbutkan, tidak kekal dan pantas beralih tangan.

Kisah Karbala dan pembunuhan al-Husayn tidak hanya diberi perhatian khusus oleh pengikut Syiah sahaja. Malah, ulama Sunni sejak zaman berzaman menyebelahi al-Husayn dan mengecam tindakan Yazid.

Setelah menyebut babak-babak genting dari peristiwa Karbala, ulama terkemuka India, Abu al-Hasan ‘Ali al-Nadwi dalam bukunya, al-Murtada menyenaraikan pandangan ulama Sunni terhadap Yazid. Mereka berlepas diri daripada Yazid dan panglima perangnya terutama Ibn Ziyad, ‘Umar bin Sa’d dan Shamir.

Antaranya ialah Imam Ahmad bin Hanbal yang pernah ditanya oleh anaknya tentang



Makam Saidina al-Husayn di Karbala, Iraq

kelompok yang menyebut bahawa mereka mencintai Yazid. Ahmad menjawab: “Anakku, adakah Yazid dicintai oleh seseorang yang beriman dengan Allah dan Rasulullah?”

Al-Sirhindi pula menyebut bahawa Yazid yang terhalang daripada kebahagiaan dan pertolongan tuhan termasuk dalam kalangan orang fasik.

Bukan itu saja, malah Imam Ibn al-Jawzi pernah mengarang satu buku yang membantah seorang ulama zamannya bernama ‘Abd al-Mughith al-Hanbali yang mengarang buku tentang kelebihan Yazid. Ibn al-Jawzi mengarang buku berjudul Bantahan Terhadap Pentaasub Tegar Yang Menghalang Dari Mencela Yazid (al-Radd ‘Ala al-Muta’assib al-‘Anid ‘Ala Mani’ Min Dhamm Yazid).

## Pengajaran

Melalui peristiwa menyayat hati ini, kita mempelajari bahawa jalan menegakkan keadilan dan nilai-nilai kemanusiaan bukan suatu yang mudah. Pengorbanan yang tinggi dan perjuangan yang berterusan diperlukan.

Dalam buku beliau tentang Saidina al-Husayn, ‘Abbas Mahmud al-‘Aqqad, sasterawan terkemuka Arab menyebut orang yang sudah terpengaruh dengan penilaian menang-kalah keduniaan akan sukar memahami kemuliaan nurani dan keterhormatan perjuangan Saidina al-Husayn.

Misinya mempertahankan kebenaran dan keadilan sebagai suatu yang tidak boleh dikompromi. Malah itulah maksud beliau sebagai sayyid al-shuhada’ (penghulu para syuhada) sebagaimana disebut oleh datuk beliau, Rasulullah SAW.

Hal ini mengingatkan saya dengan hujah pemikir besar abad ke-19, al-Kawakibi yang mempertahankan keberanian dan keteguhan al-Husayn. Al-Kawakibi mengkritik Ibn Khaldun yang berpandangan al-Husayn -meski diperakui

berada di pihak yang benar-tidak wajar keluar kerana mempunyai akar umbi yang tidak kuat ketika itu.

Meski potensi untuk mendapat kemenangan tipis, malah hakikatnya gerakan al-Husayn dan cucu-cicitnya selepas kewafatannya juga tewas dek kekuatan kuasa dan harta Bani Umayyah, namun ada pengajaran berharga daripada perjuangan tersebut.

Antaranya menurut Abu al-Hasan ‘Ali al-Nadwi ialah memelihara kemuliaan sejarah Islam. Kalau tidak kerana siri perjuangan luhur yang tewas itu, maka sejarah Islam tinggal menjadi kisah sikap keakuan dan kebendaan.

Ia juga hanya menjadi kisah pemerintah-pemerintah yang bersikap kuku besi serta kisah kelompok oportunistis yang hanya tunduk patuh.

Suatu lagi pengajaran berharga Karbala ialah bagaimana umat Islam boleh menggunakan pendekatan pemilihan pemerintah tanpa menumpahkan darah.

Muhammad al-Ghazali pernah menyebut suatu yang menarik dalam bukunya al-Fasad al-Siyasi:

“Kita andaikan jika keluarga Umayyah yang diketuai Mu’awiyah ada satu parti politik yang punya peraturannya, manakala keluarga Ahlil Bayt yang diketuai Saidina ‘Ali pula ada parti lain. Salah satu pihak mungkin akan berjaya atau gagal menjadi pemerintah menerusi sebuah pilihanraya adil. Apa yang akan berlaku? Seseorang yang berlagak pandai berkata kepadaku: “pilihanraya adalah bidaah,” aku pun membalas kepadanya, “jadi adakah pertumpahan darah itu sunnah?”

Ya ada kekurangan, tetapi sekurang-kurangnya kebebasan politik diberikan, pemimpin tidak berasas dinasti dan manusia bertelingkah dengan lisan tanpa ada darah ditumpahkan. Tidakkah kita terfikir, kebebasan politik di banyak tempat hari ini subur antaranya daripada titisan darah Saidina al-Husayn di Karbala satu masa lalu?



**TELITI...** Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim melawat reruai pameran ketika menghadiri Jelajah Persidangan Bioekonomi Kebangsaan 2024 di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur pada 17 Julai. Foto HARUN TAJUDIN

Tertinggi sejak 2022

# Ekonomi tumbuh 5.8 peratus

**SHAH ALAM** - Ekonomi negara diunjur berkembang 5.8 peratus suku kedua tahun ini, meningkat berbanding 4.2 peratus pada suku sebelumnya, kata Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Unjuran itu tertinggi sejak suku keempat 2022 iaitu 7.4 peratus manakala Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) naik lima peratus berbanding 4.1 peratus dalam tempoh sama tahun lalu.

Ketua Perangkawan Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin memberitahu momentum pertumbuhan dijangka kekal hasil sokongan faktor domestik dan eksport prospek positif untuk baki tahun ini.

Beliau menjelaskan ia sejajar penunjuk terkini seperti indeks pengeluaran perindustrian yang meningkat 6.1 dan 2.4 peratus pada April dan Mei berbanding tahun sebelumnya, lapor Bernama.

Katanya, nilai eksport dan import bertambah berbanding tempoh sama tahun sebelumnya selain faktor kehadiran pelancong naik, pengeluaran kelapa sawit serta kemajuan pembangunan projek mega.

Dr Mohd Uzir menambah prestasi suku tahun ini dipacu sektor perkhidmatan

dengan hampir semua sektor utama menunjukkan pertumbuhan lebih baik berbanding suku tahun sebelumnya.

Menurutnya, pelbagai sektor mencatat peningkatan iaitu perkhidmatan 5.6 peratus, pembuatan (4.7 peratus), pertanian (7.1 peratus) serta perlombongan dan pengkuarian (3.3 peratus).

"Di samping itu, sektor pembinaan kekal dengan pertumbuhan dua digit iaitu 17.2 peratus," katanya pada 19 Julai.

Pada 20 Julai, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelaskan langkah dalam kerangka Ekonomi Madani mencekus unjuran kadar pertumbuhan 5.8 peratus bagi suku kedua tahun ini.

Menyembah ucapan taat setia atas pertabalan Sultan Ibrahim sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-17, beliau berkata momentum itu diperkukuh dengan angka nilai perdagangan bernilai RM1.396 trilion.

"Sementara nilai pelaburan baharu yang diluluskan sebanyak RM83.7 bilion untuk suku pertama tahun ini, yakni 13 peratus lebih tinggi berbanding RM74.1 bilion pada tahun lalu," katanya.

## Seorang dari enam hidap kencing manis

**SHAH ALAM** - Seorang daripada enam orang dewasa di negara ini didiagnos sebagai penghidap penyakit kencing manis, kata timbalan menteri perdagangan dalam negeri dan kos sara hidup.

Fuziah Salleh berkata kempen Kurang Gula, Kurang Harga akan diperkenalkan bagi memberi kesedaran terhadap amalan pemakanan sihat dengan mengurangkan pengambilan bahan itu.

"(Ini) membantu mengurangkan kos rawatan dan perubatan susulan penyakit yang berpunca dari tabiat pemakanan tidak sihat dan tidak seimbang terutama kandungan gula berlebihan," katanya.

Kementerian memulakan beberapa langkah pencegahan pada peringkat pengguna dan pengusaha makanan bermasak mengadakan sesi libat urus.

## Ahli Mais dilantik senator

**SHAH ALAM** - Anggota Majlis Agama Islam Selangor (Mais) Dato' Setia Salehuddin Saidin dilantik sebagai Ahli Dewan Negara atau senator pada 27 Julai.

Beliau mengangkat sumpah di hadapan Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara Datuk Nur Jazlan Mohamed atas perkenan Yang di-Pertuan Agong untuk tempoh hingga 21 Julai 2027.

Salehuddin yang juga pengerusi Jawatankuasa Khutbah Selangor memulakan kerjaya guaman sebagai penasihat persekutuan antara 1 Oktober 1987 sehingga 31 Julai 1990.

Beliau pernah berkhidmat sebagai penolong penasihat undang-undang Selangor pada 1 Ogos 1990 hingga 15 Januari 1994 dan timbalan pendakwa raya sehingga Oktober 2007.



KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR

### KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Pusat Khidmat Kontraktor/Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/perkhidmatan berikut:

PEJABAT YANG MEMANGGIL TAWARAN	NOMBOR TENDER TAJUK PROJEK	TARAF	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT & TARIKH DOKUMEN MULAI DIJUAL	HARGA DOKUMEN & BAYARAN ATAS NAMA	TEMPAT, TARIKH & WAKTU TENDER TUTUP
Bhg. Uku Bahan dan Kontrak, JPS Negeri Selangor	JPS/NS/SEL/MSK/11/2024(CP)  MEMBEKAL, MEMASANG, MENGUJI TERIMA DAN MENGHANTAR SELF PRIMING END SUCTION PUMP LENGKAP DENGAN ENJIN DAN AKSESORI BERKAITAN KEPADA BAHAGIAN PERKHIDMATAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR.	BUMIPUTERA	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Kod Bidang • 130202 (Mesin dan kelengkapan khusus)  Kontraktor juga hendaklah berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPENS)	Pembelian dokumen tawaran secara Online di laman web <a href="https://tender.selangor.my/">https://tender.selangor.my/</a> . Syarikat dikehendaki melampirkan salinan resit asal bayaran. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di mukasurat hadapan dokumen.  1 Ogos 2024 hingga 22 Ogos 2024	RM 100.00	Peti Tender, Bhg. Uku Bahan & Kontrak JPS Selangor, Tkt. 5, Blok Podium Selatan, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40626 Shah Alam, Selangor  22 Ogos 2024 (Khamis) Jam 12.00 tengahari

Pada 1 Ogos 2024 (Khamis) (Khamis). Masa: 10.00 pagi  
Tempat Berkumpul: Bilik Mesyuarat Bahagian Perkhidmatan Mekanikal & Elektrikal, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor, Jalan Sepat 17/57 Seksyen 17 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Lawatan Tapak adalah **DIWAJIBKAN** kepada **PENAMA** di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), PUKONSA, UPJK atau bagi pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan. Hanya penama di Sijil Akuian pendaftaran syarikat yang boleh menghadiri taklimat. Syarikat **TIDAK BOLEH** mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam PPK, SPKK, BPKU, PUKONSA atau Sijil Akuian Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan.

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa SURAT WAKIL, SALINAN ASAL RESIT, SIJIL ASAL PENDAFTARAN LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN DAN PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR/KEMENTERIAN KEWANGAN SERTA SIJIL TARAF BUMIPUTERA PKK jika berkenaan dan satu SALINAN bagi siji-sijil berkenaan semasa membeli dokumen tender.



## Melampau baca Qunut Nazilah sesama muslim

**SHAH ALAM** - Umat Islam tidak wajar membaca Qunut Nazilah kepada sesama muslim atas apa jua sebab termasuk perselisihan pandangan politik, menurut Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.

Kenyataan berkenaan menyebut perbuatan membaca doa tersebut ke atas

mana-mana orang seakidah boleh menjuruskan seseorang kepada perbuatan ekstrem atau melampau dalam beragama.

"Apatah lagi jika sekiranya perselisihan dan pertelingkahan yang biasa terjadi terutamanya dalam lapangan politik dan

seumpamanya," kata tulisan di laman sawang rasmi pada 20 Julai.

Doa itu hanya dibaca kepada orang kafir dan golongan murtad tetapi bukan sesama umat Islam berdasarkan amalan Rasulullah SAW dan sahabat serta pandangan ulama, kata portal itu lagi.

"la doa yang dibaca apabila umat Islam ditimpa musibah besar," kata tulisan yang merujuk tindakan Rasulullah SAW membacakannya apabila berlaku pembunuhan ke atas sahabat Baginda.

Menurut portal itu, Saidina Abu Bakar pula membaca Qunut Nazilah ketika memerangi kelompok murtad manakala Saidina Umar al-Khattab berbuat demikian semasa memerangi golongan Nasrani.

Kenyataan sama menyatakan Imam al-Nawawi dalam kitab al-Majmu' Syarh

al-Muhazzab menyebut doa itu dibaca apabila umat ditimpa musibah antaranya kebuluran, wabak dan serangan serangga.

"Tidak terdapat riwayat hadis atau pandangan ulama yang mengharuskan bacaan doa Qunut Nazilah ke atas golongan Islam sendiri," menurut pejabat berkenaan.

Pada 18 Julai, ahli parlimen pembangkang membaca Qunut Nazilah selepas Ahli Parlimen Machang Wan Ahmad Fayshal Wan Ahmad Kamal digantung selama enam bulan.

Tindakan itu ekoran beliau membangkitkan surat layang dalam perbincangan berkaitan dakwaan ke atas penjawat awam dengan maklumat yang tidak disahkan.



### MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

Persiaran Semarak Api, Cyber 1  
63200 CYBERJAYA  
Selangor Darul Ehsan

#### KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa kepada **kontraktor-kontraktor** yang berdaftar dengan **CIDB, SPKK dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)** bagi kerja-kerja berikut:

BIL	NO. TENDER	TAJUK KERJA	BIDANG, SUB BIDANG & PECAHAN BIDANG	HARGA DOKUMEN
1.	T/MPSepang/BGN/12/2024	CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN KOMPLEKS KOMUNITI 2 TINGKAT YANG MENGANUNGI: <b>1. 1 UNIT DEWAN KOMUNITI BERSERTA:</b> a) MEDAN SELERA (10 UNIT) SERTA RUANG MAKAN b) LOT PERNIAGAAN (17 UNIT) c) RUANG SOLAT d) KIOSK (10 UNIT) e) PEJABAT PENGURUSAN (2 UNIT) <b>DAN RUANG-RUANG SERVIS YANG BERKAITAN</b> <b>2. KEMUDAHAN LUAR TERMASUK:</b> a) 1 UNIT LOJI RAWATAN KUMBAHAN (STP) b) 1 PENCAWANG PADAT (COMPACT-SUB) c) TEMPAT PENGUMPULAN SAMPAH <b>TERMASUK KEMUDAHAN AWAM SEPerti LAMAN PERMAINAN KANAK-KANAK DAN LAIN-LAIN DI ATAS LOT 52521, KAMPUNG DATO' ABU BAKAR BAGINDA, SUNGAI MERAB, DAERAH SEPANG, SELANGOR DARUL EHSAN UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BAGI TAHUN 2024.</b>	CIDB, SPKK DAN G7 DAN Kategori B (B04 @ B24) & Kategori CE (CE21) DAN UPEN	RM1,000.00
2.	T/MPSepang/BGN/13/2024	CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN 1 UNIT TERMINAL BAS 3 (TIGA) TINGKAT DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 44020 (TAPAK TERMINAL BAS SEDIA ADA), PERSIARAN MULTIMEDIA, CYBERJAYA, MUKIM DENGKIL, DAERAH SEPANG, SELANGOR DARUL EHSAN UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BAGI TAHUN 2024.	CIDB, SPKK DAN G7 DAN Kategori B (B04 @ B24) & Kategori CE (CE21) DAN UPEN	RM1,000.00

2. Dokumen tender boleh dibeli secara atas talian melalui laman web <http://tender.selangor.gov.my> dan dokumen tender boleh dibeli di kaunter pada waktu pejabat di **Tingkat 3, Unit Tender Dan Kontrak**. Dokumen tender akan dikeluarkan mulai dari tarikh **1 Ogos 2024** hingga **22 Ogos 2024** dengan harga yang ditetapkan bagi senaskah (tidak dikembalikan). Dokumen tender hanya dijual kepada kontraktor-kontraktor yang membawa sijil asal dan surat wakil (sekiranya bukan penama di dalam lesen) semasa pembelian dokumen tender. Dokumen yang perlu dibawa adalah Surat Lantikan Wakil, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Sijil Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN). Bayaran dibuat secara atas talian melalui **FPX, Kredit Kad dan Debit Kad** atau secara **Tunai, Wang Pos atau Bank Draft** yang berpalang atas nama **'Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang'**.

3. Kontraktor-kontraktor (**HANYA PENAMA DI DALAM LESEN DENGAN MEMBAWA SIJIL ASAL**) adalah **diwajibkan** untuk membuat lawatan tapak bersama Pegawai Penguasa atau wakilnya. Hanya penender yang hadir pada lawatan tapak tersebut sahaja yang layak untuk memasuki tawaran ini. Penender dikehendaki melaporkan diri di tempat, tarikh dan masa seperti berikut:-

- Tarikh** : 1 Ogos 2024
- Masa Pendaftaran** : 10.00 – 10.30 Pagi
- Masa Taklimat** : 10.30 Pagi
- Tempat berkumpul** : Kelab Komuniti, Taman Tasik Cyberjaya, Cyberjaya, Selangor
- Nota** : Kegagalan kontraktor hadir pada waktu pendaftaran yang ditetapkan boleh menyebabkan kontraktor tidak boleh hadir taklimat, seterusnya tidak boleh membeli dokumen tender ini

4. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri dengan menulis **No. Tender** di sebelah sudut kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti tender di **Ruang Lobi Utama, Aras 2, Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan** sebelum atau pada jam **12.00 tengah hari** pada **22 Ogos 2024**.

5. Kontraktor-kontraktor yang tidak menerima sebarang jawapan selepas empat (4) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap tawaran tidak berjaya. Majlis Perbandaran Sepang tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau sebarang tender atau memberi apa-apa sebab tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.

Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Sepang

## Tangani kes buli siber

**SHAH ALAM** - Satu jawatankuasa khas melibatkan beberapa kementerian ditubuh bagi menangani isu buli siber di negara ini, kata Menteri Komunikasi Fahmi Fadzil.

Katanya, ia merangkumi antaranya Kementerian Komunikasi, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Digital dan Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang Dan Reformasi Institusi).

Beliau menambah jawatankuasa tersebut akan disokong pasukan khas melibatkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, polis dan Jabatan Peguam Negara, lapor Bernama.

"(Pengendali media sosial) tidak boleh

lepas tangan dan perlu sama-sama bertanggungjawab untuk atasi isu buli siber," katanya pada 19 Julai.

Fahmi memberitahu jawatankuasa berkenaan akan meneliti akta, aspek perundangan dan membuat pindaan undang-undang serta tindakan lain bagi menangani isu buli siber.

Beliau percaya kes sedemikian berlaku berikutan ada banyak pelantar atau platform baharu muncul selain penggunaan teknologi kecerdasan buatan yang mula meluas.

"Kita perlu menggembelng segala kepakaran yang kita miliki termasuk daripada aspek teknikal untuk tangannya," katanya.



## Pelancong bertambah

**SHAH ALAM** - Kedatangan pelancong asing menunjukkan peningkatan baik ekoran 9.48 juta orang mengunjungi Malaysia setakat Mei berbanding 7.48 juta dalam tempoh sama tahun lalu.

Menurut Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, kehadiran 27.3 juta pengunjung disasar bagi menjana pendapatan RM102.7 bilion pada tahun ini, lapor Bernama.

Beliau juga berharap semua kementerian dan industri berkaitan berganding bahu bagi menjayakan Tahun Melawat Malaysia 2026 sekali gus negara ini desinasi pilihan bertaraf dunia.

"Sektor ini memberi kesan positif kepada rantaian bekalan, peluang pekerjaan, pelaburan, pembangunan prasarana dan mempromosi budaya Malaysia ke seluruh dunia," katanya.

Dr Ahmad Zahid berkata demikian menerusi laman X pada 19 Julai selepas mengadakan sesi libat urus bersama penggiat industri bagi bertukar-tukar pandangan di Putrajaya.

Sesi itu diadakan sebagai ruang kepada kementerian dan industri bertukar-tukar pandangan dan mengenal pasti cabaran yang dihadapi dalam industri pelancongan.

Pada 1 Julai, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim percaya Malaysia memerlukan anjakan kepada sasaran, strategi dan inisiatif bagi merencanakan sektor pelancongan.

Beliau berkata kerangka, insentif dan pembangunan prasarana yang dibangunkan kerajaan penting untuk disahut sektor swasta sebagai pemain utama dalam merencana produk pelancongan.

Perkara itu antara inti pati Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara yang dipengerusi Anwar untuk perbincangan mendalam berkaitan sektor pelancongan dan pengangkutan awam.

"Turut disentuh, aspek peningkatan mutu perkhidmatan pengangkutan awam sedia ada termasuk menambah baik mutu kemudahan perhubungan ke stesen pengangkutan rel bandar," katanya.



**MENANG...** Datuk Bandar Shah Alam Dato' Mohd Fauzi Mohd Yatim (tengah, belakang) meraikan kejayaan MBSA Blue Pelican menjuarai Kejohanan Ragbi MBSA-UiTM 10 sebelah Piala Datuk Bandar Shah Alam di Kompleks Sukan UiTM, Shah Alam pada 21 Julai. Pasukan itu menewaskan BMMB Bullets 5-0. Foto Majlis Bandaraya Shah Alam

## Air Selangor terima anugerah

# Syarikat khidmat air terbaik

**SHAH ALAM** - Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) diiktiraf sebagai syarikat terbaik dalam kategori perkhidmatan air, kata Ketua Pegawai Eksekutifnya Adam Saffian Ghazali.

Beliau menyifatkan anugerah pengurusan komuniti tersebut sebagai penghormatan terhadap usaha berterusan Air Selangor dalam menyediakan bekalan air bersih ke sekitar Lembah Klang. "Ia selari janji Air Selangor bagi memastikan setiap titis bermakna untuk 9.3 juta pengguna," katanya merujuk Anugerah Kelestarian dan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Malaysia baru-baru ini.

Adam Saffian juga memberitahu

penghargaan tersebut cerminan ke-sungguhan Air Selangor dalam memastikan mutu perkhidmatan selain gigih mempromosi kelestarian dan tanggungjawab sosial.



Beliau menambah mereka turut menjayakan tiga program CSR iaitu Box of Hope, Sambutan Perayaan untuk Golongan Kurang Berkemampuan (Festive CSR) dan Pemerkasaan Pembelajaran dalam Talian.

Katanya, Box of Hope memanfaatkan 5,775 keluarga sejak 2020 selain sumbangan kepada 54 rumah kebajikan semasa musim perayaan dengan mengagih bantuan kepada 3,746 penerima sejak 2021.

## RM38 juta caj beg plastik

**SHAH ALAM** - Sebanyak RM38 juta dikumpul daripada caj 20 sen untuk setiap beg plastik sejak 2020 hingga tahun lepas, kata EXCO Alam Sekitar Jamaliah Jamaluddin.

Beliau memberitahu kutipan tersebut disalurkan kembali sebagai peruntukan untuk penganjuran program kelestarian bagi mendidik masyarakat mencintai dan memelihara alam sekitar.

Katanya, dana itu dikembalikan untuk program antaranya Karnival Alam Sekitar peringkat negeri pada 20 dan 21 Julai selain pemasangan lampu solar, sambutan Hari Bumi dan Kebun Komuniti.

Jamaliah menjelaskan Kerajaan Negeri juga akan mengumpul pandangan orang awam bagi menaikkan caj setiap beg plastik dalam penganjuran Karnival Alam Sekitar tidak lama lagi.

## Teliti bantahan cukai baharu

**SHAH ALAM** - Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) menghantar 326,646 notis senarai nilai baharu kepada semua pemilik hartanah di kawasan pentadbirannya.

Bahagian Komunikasi Korporatnya memaklumkan pihaknya menerima 2,492 bantahan dalam talian daripada pemilik harta setakat 15 Julai.

"Bantahan ini akan disemak mengikut Seksyen 142, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). MBSJ akan membuat proses semakan senarai nilai bermula 16 Ogos.

"Alasan bantahan yang dikemukakan pemilik harta akan disiasat dengan teliti dan didengar dalam Mesyuarat Pendedngaran Bantahan kelak," menurut kenyataan pada 19 Julai.

Bantahan tertinggi diterima daripada pemegang harta di Subang Jaya/USJ iaitu 751 orang, Bandar Putra Permai (574), Puchong (402), Kinrara (301), Seri Kembangan (210), Putra Heights (145) dan Subang Hi-Tech (109).

Kaunter semakan dibuka sehingga 2 Ogos di ibu pejabat MBSJ. Bantahan boleh dibuat dalam talian melalui laman sesawang MBSJ.

**- RESIDENSI -**  
**SERAI @ Kundang, Rawang**

**SIAP DIBINA**  
CCC BULAN SEPTEMBER 2024

**• LOT BUMIPUTERA •**

Luas Tanah Dari: <b>20' x 65'</b> <b>22' x 65'</b>	Luas binaan dari: <b>1,959 kaki persegi</b> <b>2,310 kaki persegi</b>	Berdekatan dengan <b>PASARAYA ECONSAVE</b> (Akan dibuka awal tahun 2025)	<b>4 Bilik Tidur</b> + <b>3 Bilik Air</b>
--	---	--	---

**DARI: RM579,431 DAN KEATAS** **PERCUMA:**  
1) Yuran Guaman & Duti Setem  
2) Memorandum Pindahan (MOT)

(Tertakluk Kepada Terma & Syarat)

**Little Resources Sdn Bhd** 20130101773 (1047606-H)  
(Ahli SMD GROUP)  
No.37, Jalan KPK 1/8, Kawasan Perindustrian Kundang,  
48020 Rawang, Selangor. Tel: 03-6034 5566

**Hubungi Kami: 012 985 5573**

**SMD GROUP**  
Building Better Future  
www.smdgroup.com.my

**REHDA**

IKLAN INI DILULUSKAN OLEH JABATAN PERLIMAHAN NEGARA

## Mohon insentif haji hingga 23 Ogos

**SHAH ALAM** - Seramai 3,000 jemaah haji daripada Selangor boleh memohon Insentif Haji Muassasah sebanyak RM1,000 sehingga 23 Ogos meskipun musim menunaikan haji telah berakhir.

Ketua tanggungjawab sosial dan komunikasi korporat Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) berkata permohonan boleh dibuat di pejabat wakil rakyat atau penyelaras Dewan Undangan Negeri.

Menyatakan 6,000 kuota penerima disediakan, Ahmad Azri Zainal memberitahu jemaah yang tidak sempat memohon sebelum menunaikan ibadah berkenaan disaran segera berbuat demikian.

"Cepat mohon, jangan biarkan kuota tersebut terbiar begitu sahaja. Jangan lepaskan peluang, dapatkan insentif RM1,000," katanya baru-baru ini.

Pada tahun ini, Kerajaan Negeri memperuntuk RM6 juta bagi pelaksanaan skim itu, meningkat tiga kali ganda berbanding RM1.5 juta pada 2023.

Setiap jemaah menerima wang tunai RM1,000, meningkat RM500 berbanding sebelum ini selain memperoleh kit penjagaan diri.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut membelanjakan RM1.2 juta bagi membiayai kos perjalanan 36 jemaah menunaikan haji secara percuma.

## Urus bahagi harta, elak balah

# Laksana hibah sementara sihat

Oleh **SHEEDA FATHIL**

**SHAH ALAM** - Umat Islam disaran membuat urusan pembahagian harta secara hibah sementara masih sihat selaras anjuran agama, kata pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (Mais).

Menyatakan hibah suatu bentuk pengurusan dan pelengkap kepada sistem pengagihan harta, Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof berkata ia perancangan awal dalam pewarisan harta berlandas syarak.

"Selain pembahagian harta secara faraid, kita juga boleh melakukan pemberian harta dalam bentuk hibah sementara masih hidup, sihat dan waras.

"Hibah pilihan tepat dan tiada had umur. Ia terpulung kepada pemilik harta itu untuk melaksanakannya. Ia memupuk kasih sayang dalam institusi kekeluargaan," katanya lagi.

Beliau melancarkan Kad Hibah dan

Bulan Hibah Selangor 2024 dan merasmikan Seminar Hibah: Sayang Jangan Sampai Melayang di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini pada 17 Ogos.

Kira-kira 200 peserta dari pelbagai agensi dan organisasi hadir ke seminar yang menghimpunkan empat pakar untuk memberi penerangan berkaitan kepentingan hibah.

Abdul Aziz juga memberitahu kad tersebut berfungsi sebagai pengenalan identiti penghibah yang berdaftar dengan Mais selain memudahkan rujukan dokumentasi.

"Mais diamanah untuk mentadbir hal ehwal Islam dan kita melaksanakan proses pengisytiharan hibah dan pindah milik harta secara adil, telus, profesional dan patuh syariah," katanya.

Sementara itu, Mais memperkenalkan

pendaftaran dalam talian Sistem Wasiat dan Hibah (Siswa) sejak Jun 2022 bagi memudahkan umat Islam menguruskan harta mereka.

Menurut Pengarah Baitulmalnya Indera Shahril Mohd Shahid, 5,000 dokumen pengurusan harta pusaka dan hibah dikendalikan Bahagian Mal sejak 2006 sebelum diteruskan Sektor Baitulmal.

"Pada Jun 2022, Sektor Baitulmal mewujudkan khidmat wasiat dan hibah Siswa yang menggabungkan dua permohonan wasiat dan hibah dalam satu sistem pintar," katanya.

Beliau menjelaskan kelebihan sistem Siswa antaranya permohonan dan kelulusan 100 peratus dalam talian, akad hibah secara sidang video dan penggunaan tandingan digital.

Indera Shahril turut menasihati umat Islam yang keliru dalam urusan pembahagian harta supaya merujuk Mais bagi mengelak sebarang pertelingkahan antara adik-beradik mahupun saudaramara.



## TENDER NOTICE

Tenderers are invited from suppliers/contractors having the following qualifications for the supplies/works/services as specifically described as follows:

TITLE & TENDER NUMBER	TENDER REQUIREMENTS	TENDER DOCUMENT FEE	DATE AND TIME OF PURCHASE
<b>TENDER NO: WT2024-00131</b>  <b>TITLE:</b> THE DESIGN, ENGINEERING, PROCUREMENT, CONSTRUCTION, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING (EPCC) OF THE WASTE TO ENERGY 3 (WTE 3) INTERCONNECTION FACILITY, THE WTE 3 TRANSMISSION LINES, THE WTE WORKS WITH ASSOCIATED WORKS AND 132kV EXTENSION OF INTERCONNECTION FACILITY AT PMU BUKIT CHANGGANG WITH THE ESTABLISHED CAPACITY OF 38MW AT TANJUNG DUA BELAS SANITARY LANDFILL, DAERAH KUALA LANGAT, SELANGOR.  <b>SCOPE:</b> (132kV TRANSMISSION LINES (UNDERGROUND CABLES))	i. Tenderer must be an incorporated company and registered with Construction Industry Development Board (CIDB). Grade: G7.  ii. The companies submitting for the tender must be 100% owned by Malaysians with valid active licenses as described therein and registered with the Suruhanjaya Syarikat Malaysia.  iii. Tenderer must possess relevant experience in similar or related works/services for the last five (5) years.  iv. Tender briefing is compulsory.  v. All tenderers who wish to participate in this tender must register and submit their tender, including but not limited to price bid and all associated supporting documents, in digital soft copies via the company's online tender portal (e-WOPS).  vi. All hard copies of tender bid supporting documents are to be submitted to our office in the designated tender drop box located at:  Tender Box B MERCU WORLDWIDE, No 7, Persiaran Sukan, Laman Seri Business Park, Seksyen 13, 40100 Shah Alam.	<b>RM300.00</b> (Ringgit Malaysia: Three Hundred Only) via online transfer to the account of:  <b>86-0520398-0</b> <b>Worldwide Power Solution Sdn Bhd</b> (CIMB BANK BERHAD) (Payment is non-refundable)  Please notify us when payment is made by indicating:  Reference 1: <b>WT2024-00131</b> Reference 2: Name of Company  Please submit the tender payment via e-WOPS system.	<b>22 JULY 2024</b> Online purchase  Please contact us for details Tel: 03-5526 2525 Fariha : ext (5949) Syafiq : ext (5933)  Email: procurement@whb.com.my  Working Hours: Monday – Friday 9.00 a.m - 5.30 p.m  <b>CLOSING OF TENDER</b>  Before or By <b>12:30 p.m.</b> <b>30 AUGUST 2024 (FRIDAY)</b>  <b>COMPANY REGISTRATION</b>  Company registration in e-WOPS system is <b>MANDATORY</b> . Tenderers who have yet to register in e-WOPS as the company's listed vendor, may proceed with the registration process via the hyperlink below: <a href="https://vendor.e-wops.com.my/VendorAccount/Create">https://vendor.e-wops.com.my/VendorAccount/Create</a>

Those who are interested to participate in this tender must attend a site visit and briefing session scheduled as follows :

DATE & TIME	PERSON IN CHARGE	VENUE
10.00 AM, 25 JULY 2024, THURSDAY	Aijjaz Azlan - 03- 5526 2526 (ext 5414) Ahmad Ruffaie - 03- 5526 2526 (ext 5443)	TERATAI Meeting Room, Level 1 MERCU WORLDWIDE, No 7, Persiaran Sukan, Laman Seri Business Park, Seksyen 13, 40100 Shah Alam.

- Tender Documents received later than the date and time specified will not be considered.
- Worldwide Power Solutions Sdn Bhd is not bound to agree and accept the lowest quotation, or any alternative quotation(s) received for this tender.

## TENDER NOTICE

Tenderers are invited from suppliers/contractors having the following qualifications for the supplies/works/services as specifically described as follows:

TITLE & TENDER NUMBER	TENDER REQUIREMENTS	TENDER DOCUMENT FEE	DATE AND TIME OF PURCHASE
<b>TENDER NO: WT2024-00138</b>  <b>TITLE:</b> THE DESIGN, ENGINEERING, PROCUREMENT, CONSTRUCTION, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING (EPCC) OF THE WASTE TO ENERGY 3 (WTE 3) INTERCONNECTION FACILITY, THE WTE 3 TRANSMISSION LINES, THE WTE WORKS WITH ASSOCIATED WORKS AND 132kV EXTENSION OF INTERCONNECTION FACILITY AT PMU BUKIT CHANGGANG WITH THE ESTABLISHED CAPACITY OF 38MW AT TANJUNG DUA BELAS SANITARY LANDFILL, DAERAH KUALA LANGAT, SELANGOR FOR WORLDWIDE HOLDINGS BERHAD  <b>SCOPE:</b> INTERCONNECTION FACILITIES	i. Tenderer must be an incorporated company and registered with Construction Industry Development Board (CIDB). Grade: G7.  ii. The companies submitting for the tender must be 100% owned by Malaysians with valid active licenses as described therein and registered with the Suruhanjaya Syarikat Malaysia.  iii. Tenderer must possess relevant experience in similar or related works/services for the last five (5) years.  iv. Tender briefing is compulsory.  v. All tenderers who wish to participate in this tender must register and submit their tender, including but not limited to price bid and all associated supporting documents, in digital soft copies via the company's online tender portal (e-WOPS).  vi. All hard copies of tender bid supporting documents are to be submitted to our office in the designated tender drop box located at:  Tender Box B MERCU WORLDWIDE, No 7, Persiaran Sukan, Laman Seri Business Park, Seksyen 13, 40100 Shah Alam.	<b>RM150.00</b> (Ringgit Malaysia: One Hundred and Fifty Only) via online transfer to the account of:  <b>86-0520398-0</b> <b>Worldwide Power Solution Sdn Bhd</b> (CIMB BANK BERHAD) (Payment is non-refundable)  Please notify us when payment is made by indicating:  Reference 1: <b>WT2024-00138</b> Reference 2: Name of Company  Please submit the tender payment via e-WOPS system.	<b>24 JULY 2024 (WEDNESDAY)</b> Online purchase  Please contact us for details Tel: 03-5526 2525 Fariha : ext (5949) Syafiq : ext (5933)  Email: procurement@whb.com.my  Working Hours: Monday – Friday 9.00 a.m - 5.30 p.m  <b>CLOSING OF TENDER</b>  Before or By <b>12:30 p.m.</b> <b>5 SEPTEMBER 2024 (THURSDAY)</b>  <b>COMPANY REGISTRATION</b>  Company registration in e-WOPS system is <b>MANDATORY</b> . Tenderers who have yet to register in e-WOPS as the company's listed vendor, may proceed with the registration process via the hyperlink below: <a href="https://vendor.e-wops.com.my/VendorAccount/Create">https://vendor.e-wops.com.my/VendorAccount/Create</a>

Those who are interested to participate in this tender must attend a site visit and briefing session scheduled as follows :

DATE & TIME	PERSON IN CHARGE	VENUE
10.00 AM, 29 JULY 2024, MONDAY	Aijjaz Azlan - 03- 5526 2526 (ext 5414) Ahmad Ruffaie - 03- 5526 2526 (ext 5443)	TERATAI Meeting Room, Level 1 MERCU WORLDWIDE, No 7, Persiaran Sukan, Laman Seri Business Park, Seksyen 13, 40100 Shah Alam.

- Tender Documents received later than the date and time specified will not be considered.
- Worldwide Power Solutions Sdn Bhd is not bound to agree and accept the lowest quotation, or any alternative quotation(s) received for this tender.



**LINCAH...** Pemain Harimau Malaya Bawah 19 Tahun (B-19) Arami Wafiy mengasak pemain Singapura dalam perlawanan kedua kumpulan C Kejuaraan B-19 Asean 2024 di Surabaya, Indonesia pada 22 Julai. Malaysia menang 5-0 dan bertemu Thailand dalam perlawanan terakhir peringkat kumpulan pada 25 Julai. Foto Persatuan Bolasepak Malaysia

## Ubah tanggapan negatif e-sukan

**SHAH ALAM** - Bekas pemain Mobile Legend Bang-Bang (MLBB) terkemuka negara Muhammad Faris Zakaria menyifatkan kemenangan Selangor Red Giants (SRG) di Mid Season Cup (MSC) baru-baru ini mengubah tanggapan negatif orang ramai terhadap industri e-sukan di Malaysia.

Beliau yang lebih dikenali sebagai Soloz berharap industri e-sukan terus berkembang pesat sekali gus dapat diangkat sebagai salah satu sukan utama di negara ini, lapor Bernama.

"Dulu kalau kita lihat senario e-sukan di Malaysia, ramai ibu bapa tidak menggalakkan anak-anak mereka untuk terlibat. Tapi lepas orang ramai tengok e-sukan boleh jana pendapatan, tanggapan itu terus berubah.

"Sebab kita lihat jumlah hadiah sekarang pun sudah semakin naik dari zaman saya dulu dari RM50,000 hingga sekarang dah masuk angka berjuta. Perkembangan ini saya rasa akan bantu ekosistem (sukan) di Malaysia sebab ia melibatkan nama negara di pentas antarabangsa," katanya pada 17 Julai.

Pada 14 Julai, SRG menumbangkan wakil Filipina Falcons AP Bren Sport 4-3 di Riyadh, Arab Saudi.

## Pecah rekod Chong Wei

**SHAH ALAM** - Bekas legenda badminton negara berharap atlet negara mampu memecahkan rekodnya dengan menghadihkan emas sulung buat kontinjen Malaysia di Sukan Olimpik Paris.

Datuk Lee Chong Wei berkata beliau menjadi individu paling gembira sekiranya ada atlet negara menamatkan penantian panjang Malaysia dalam temasya berkenaan, lapor Berita Harian.

"Saya memang harap ada atlet negara yang boleh memenangi emas pertama untuk negara. Tidak kisah sesiapa pun, saya sentiasa beri sokongan dan begitu juga seluruh 33 juta rakyat Malaysia.

"Kita sudah tunggu terlalu lama untuk melihat atlet negara memenangi



emas Olimpik. Mungkin Lee Zii Jia (badminton), Aaron Chia-Soh Wooi Yik (badminton), Datuk Azizulhasni Awang (berbasikal trek), Pearly Tan-M Thinaah (badminton)... kita tidak tahu.

"Mungkin juga kita boleh membawa pulang lebih daripada satu emas.

"Apa yang paling penting sekarang, kita sebagai rakyat Malaysia perlu berada di belakang atlet dan menyokong perjuangan mereka di Olimpik kali ini," katanya.

Chong Wei muncul atlet terbaik Malaysia di pentas Olimpik setakat ini dengan rekod kejayaannya memenangi tiga pingat perak di Beijing 2008 diikuti London 2012 dan Rio de Janeiro 2016.

## Umum 29 atlet paralimpik

**SHAH ALAM** - Seramai 29 atlet disahkan mewakili negara ke Sukan Paralimpik Paris 2024 dari 28 Ogos hingga 8 September, kata presiden Majlis Paralimpik Malaysia (MPM).

Datuk Seri Megat D Shahrizan Zahardin berkata keputusan itu disahkan selepas jawatankuasa pemilihan MPM bermesyuarat pada 20 Julai bagi memuktamatkan senarai akhir atlet, lapor Bernama.

"Proses pemilihan ini satu prosedur

wajib seperti dinyatakan dalam Perlembagaan MPM dan seperti garis panduan dikeluarkan Jawatankuasa Paralimpik Antarabangsa (IPC) dalam pemilihan atlet untuk mengambil bahagian di Paris 2024.

"Atlet yang layak bermakna layak dengan nama, kedudukan dan dwipihak. Setiap sukan mempunyai kriteria kelayakan yang ditetapkan oleh Persekutuan Antarabangsa yang mengawal selia sukan itu," katanya.

GAMUDA cove
GAMUDA LAND

# MIO SPRING

## RUMAH TERES DUA TINGKAT

Luas tanah dari 26'x65' | Luas binaan dari: 2,518 kps

UNIT BUMIPUTERA &  
7% POTONGAN HARGA BUMIPUTERA\*

Alami gaya hidup moden berinspirasi Jepun di Mio Spring di mana ia menampilkan reka bentuk biofilik dan kaya dengan biodiversiti.

Bersebelahan dengan Taman Sentral seluas 60 ekar

Fasad & kemudahan berinspirasi Jepun

Konsep biofilik

3m tambahan di bahagian halaman\*

Peti surat parcel sedia ada

Konsep susun atur terbuka

**Hubungi kami untuk maklumat lanjut**

\*Terletak pada lot 1 dan 2, Lot 3 dan 4, Lot 5 dan 6, Lot 7 dan 8, Lot 9 dan 10, Lot 11 dan 12, Lot 13 dan 14, Lot 15 dan 16, Lot 17 dan 18, Lot 19 dan 20, Lot 21 dan 22, Lot 23 dan 24, Lot 25 dan 26, Lot 27 dan 28, Lot 29 dan 30, Lot 31 dan 32, Lot 33 dan 34, Lot 35 dan 36, Lot 37 dan 38, Lot 39 dan 40, Lot 41 dan 42, Lot 43 dan 44, Lot 45 dan 46, Lot 47 dan 48, Lot 49 dan 50, Lot 51 dan 52, Lot 53 dan 54, Lot 55 dan 56, Lot 57 dan 58, Lot 59 dan 60.

**Sincere Responsible Original**

Gamuda Land (112) Sdn Bhd  
Pusat Komersial, Bandar Gamuda Cove,  
47000 Kuala Langat, Selangor, Malaysia

PIRACI WORLD PRIZE  
D'EXCELLENCE AWARDS

NO.1 THE EDGE  
AWARDS 2023

AWARDS 2023

gamudacove.com.my  
**03 9212 0455**



**IR IZHAM HASHIM**  
Pandan Indah

menyampaikan hadiah kejohanan sukan di Dataran Pandan Indah, Ampang Jaya

**DATUK RIZAM ISMAIL**  
Sungai Air Tawar

memberi bantuan tunai kepada penduduk di pejabat DUN beliau



**MARIAM ABDUL RASHID**  
Meru

melihat kerja baik pulih tebing di Taman Dato' Bandar, Klang

**DR QUAH PERNG FEI**  
Bandar Baru Klang

meninjau keadaan sistem saliran punca banjir di Klang



**CHUA WEI KIAT**  
Rawang

bersama penduduk dalam program gotong-royong di kawasan DUN beliau

**ONG CHUN WEI**  
Balakong

menyerahkan sumbangan kepada wakil persatuan penduduk di Hulu Langat



**SYED AHMAD ALHADAD**  
Lembah Jaya

menghulur sumbangan pek makanan ketika ziarah penduduk di DUN beliau

**MUHAMMAD IZUAN KASIM**  
Kota Damansara

memeriahkan program bersama penduduk Kampung Melayu Subang, Shah Alam



## Sasar 1,000 sertai kursus asuhan

**SHAH ALAM** - Seramai 600 pengasuh menerima latihan dalam program Iltizam Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (IMPAK), kata pengurus besar Yayasan Warisan Anak Selangor (Yawas).

Menyasar 1,000 peserta pada tahun ini, Gan Pei Nei memberitahu pengasuh menerima bimbingan melalui Kursus Insentif Perkembangan



Kanak-Kanak (KIPK) selama dua hari secara percuma.

Katanya, latihan meliputi perkembangan awal kanak-kanak pada usia enam tahun ke bawah sebagai usia emas selain pendedahan mengenai akta berkaitan hak penjagaan, kesihatan dan pemakanan.

"Setakat ini, seramai 600 pengasuh dari rumah menjalani 11 kursus latihan

dan diberi sijil. Untuk baki kuota 400, kita sasar jalani latihan sebelum hujung tahun ini," katanya.

Pei Nei menjelaskan program perintis berkenaan bertujuan membekal ilmu dan kemahiran kepada mereka yang kebanyakannya kelompok berpendapatan rendah dan menetap di kawasan rumah pangsa.

Individu yang berminat menyertai latihan tersebut boleh mendaftar di laman sesawang [impak.yawas.com.my](http://impak.yawas.com.my)

## Program padanan pengajian lepasan SPM

# Suntik semangat sambung belajar

Oleh **ZAREEF MUZAMMIL**

**KLANG** - Kepelbagaian jurusan pengajian yang ditawarkan dalam Jom Jejak ke Kolej Kerajaan menyuntik semangat seorang gadis untuk menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Kecewa gara-gara permohonan dalam bidang pengurusan perniagaan ditolak, Nurul Haziqah Hashim, 18, teruja untuk memohon kursus sama dalam program kelolaan Dewan Undangan Negeri Sentosa.

"Selepas dapat keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), saya memohon di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) dan politeknik tetapi semua ditolak.

"Beberapa hari saya pendam rasa kecewa sebab berasa tiada peluang untuk sambung belajar. Program ini beri saya semangat semula memandangkan ada kolej yang tawar kursus tersebut.

"Saya sangat berharap dapat diterima masuk," kata bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Am-

puan Rahimah, Klang itu.

Bekas pelajar Sekolah Menengah Sri Acmar P Thevkanth, 18, pula mencari jurusan bersesuaian dengan keputusan SPM selepas gagal mendapat tempat di universiti awam bagi kursus perakaunan.

"Saya tahu tiada kolej tawar kursus akaun pada program ini, tetapi kaunselor sarankan saya mohon jurusan lain seperti sains komputer dan mekanikal. Saya terbuka dengan idea itu," katanya.

Sementara itu, wakil rakyat Sentosa Dr G Gunaraj memberitahu inisiatif itu menceraikan semula peluang lepasan SPM yang gagal mendapat tawaran di universiti atas pelbagai faktor.

"Program ini memberi kesedaran kepada semua, sebenarnya banyak kolej menyediakan kursus tertentu untuk sambung sambung belajar tanpa perlu membayar yuran pengajian tinggi.

"Jangan anggap keputusan SPM kurang cemerlang pengakhiran untuk meneruskan pengajian. Semua orang harus diberi peluang untuk belajar," ka-

tanya pada 20 Julai.

Lebih 200 pelajar menyertai program di Majlis Bandaraya Diraja Klang di sini melibatkan 11 kolej dan institusi antaranya Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Selangor, Universiti Selangor dan Kolej Komuniti Klang.



## Teroka peluang ekonomi

**SHAH ALAM** - Koperasi PKNS Berhad (KPB) memeterai memorandum persefahaman (MoU) bersama Kumpulan Syarikat Pantai Bharu, bagi meneroka perkembangan ekonomi kedua-dua pihak.

Berlangsung di ibu pejabat Pantai Bharu Klang baru-baru ini, perjanjian itu ditandatangani Pengerusi KPB Ishak Hashim dan Pengarah Eksekutif Kumpulan Syarikat Pantai Bharu Siti Laila Shamshudin.

Ishak menjelaskan kerjasama itu langkah strategik yang akan meman-

faatkan anggota koperasi perbadanan itu dengan kepakaran dan kemahiran Pantai Bharu dalam perniagaan.

"Kami yakin dapat menawarkan produk yang menarik dan berdaya saing. MoU ini kali keempat diadakan tahun ini hasil perancangan strategik mempelbagai aktiviti perniagaan seiring matlamat koperasi.

"Koperasi terbuka untuk bekerjasama dengan syarikat korporat mahupun organisasi kerajaan dalam memacu pemerkasaan perniagaan," katanya dalam kenyataan.

## 200 ikuti saringan kesihatan percuma

**KLANG** - Lebih 200 penduduk menghadiri program Selangor Saring di Dewan Serbaguna Kampung Kuantan di sini pada 20 Julai, kata Ahli Dewan Negeri Batu Tiga Danial Al-Rashid.

Beliau gembira program julung kali di Dewan Undangan Negeri (DUN) berkenaan pada tahun ini membuktikan masyarakat mulai sedar kepentingan membuat pemeriksaan awal kesihatan.

"Sebenarnya kami ada anjur karnival kesihatan di DUN Batu Tiga seperti Selangor Saring tetapi pemeriksaan dalam program ini lebih terperinci," katanya yang meninjau program tersebut.

Pesara Yeo Pang Kok, 53, yang mengetahui penganjuran program itu melalui akhbar Selangorkini terus mendaftar dalam aplikasi Langkah Masuk Dengan Selamat (SELangkah) bagi membuat ujian.

"Selepas baca Selangorkini, saya terus semak dan isi pendaftaran. Saya tinggal di Kota Kemuning tetapi saya rasa ini peluang keemasan untuk saya hadir buat pemeriksaan kesihatan.

"Kali terakhir saya buat pemeriksaan kesihatan pada tahun lalu. Saya tiada penyakit tetapi harus berjaga-jaga kerana usia semakin bertambah," kata beliau.



## Kemewahan & Eksklusiviti Menanti





### Aetas Damansara 98% Dijual

Projek kediaman mewah yang menawarkan keseimbangan ideal antara kehidupan urban yang dinamik dan ketenangan alam semula jadi

Diskaun Bumiputera Tersedia!

AVALAND

an Aekland company

REDISCOVERING POSSIBILITIES

ONE RESIDENCE SDN. BHD.

Syarikat Subsidi kepada Aekland Berhad (9978542)

www.avaland.com.my

+6011 1722 5545

Aekland Damansara

W: [aeklanddamansara.com](http://aeklanddamansara.com)

Mematuhi




# selangorkini



Cerpen, puisi & esei  
**HADIAH SASTERA  
SELANGOR  
2024**

terbit setiap Sabtu dan Ahad  
di portal [selangorkini.my](http://selangorkini.my)

## Siasatan kes bunuh Farah Kartini selesai

**SHAH ALAM** - Polis hampir selesai melakukan pencarian bahan bukti di tempat kejadian dan lokasi lain dalam kes pembunuhan Nur Farah Kartini Abdullah.

Ketua Polis Selangor Datuk Hussein Omar Khan menjangka kertas siasatan diserahkan kepada timbalan pendakwa raya untuk tindakan lanjut dalam masa terdekat.

"Kertas siasatan akan dirujuk kepada timbalan pendakwa raya sebelum Jumaat (26 Julai)," katanya seperti dilapor Harian Metro.

Mayat mangsa berusia 25 tahun itu ditemukan sekitar jam 6 petang pada 15 Julai dipercayai dibunuh individu yang dikenalnya. Seorang lelaki berpangkat lans koperal ditahan dan direman hingga 29 Julai.

## Amirul Azizan terajui Subang Jaya

**SHAH ALAM** - Mantan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Langat Dato' Amirul Azizan Abd Rahim dilantik sebagai Datuk Bandar Subang Jaya baharu berkuat kuasa mulai 22 Julai.

Menurut Facebook Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, penyerahan surat pelantikan tersebut disempurnakan Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Setia Haris Kasim.

"Tahniah dan selamat bertugas diucapkan," katanya yang menambah majlis tersebut turut dihadiri Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Dato' Mohd Yazid Sairi.

MBSJ menerusi Facebook turut mengalu-alukan pelantikan Amirul, yang diyakini bakal memperkuat jentera pentadbiran pihak berkuasa tempatan berkenaan.

## Kaji kaedah salur insentif haji

**SHAH ALAM** - Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI akan mengadakan perbincangan dengan Lembaga Tabung Haji bagi menyalur sumbangan RM2,000 kepada jemaah haji.

Ketua Yayasan MBI Ahmad Azri Zainal Nor berkata Insentif Haji Muassasah yang dinaikkan daripada RM1,000 sebelum ini diperuntuk untuk jemaah mulai 2026.

Beliau menjelaskan pertemuan pada bulan depan juga menjurus kepada kaedah saluran bantuan berkenaan bagi memudahkan jemaah berbelanja dan menyediakan kelengkapan haji.

"Mungkin kita salur wang tunai RM1,000 secara terus dan bakinya dikredit ke dalam akaun atau kita bangunkan aplikasi untuk memudahkan mereka berbelanja."

**CERIA...** Pemain Selangor FC Azim Al-Amin menandatangani jersi ketika sesi bertemu peminat sempena Dama Day 2024 anjuran Daikin Malaysia di Shah Alam pada 19 Julai.  
Foto Facebook Selangor FC



## Selangor sasar 61 emas

# 704 atlet galas cabaran di SUKMA

**SHAH ALAM** - Seramai 704 atlet dan 213 pegawai mewakili Selangor ke Sukan Malaysia (SUKMA) 2024 di Sarawak pada 17 hingga 24 Ogos ini.

Pengarah eksekutif Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor berkata pendaftaran kesemua atlet dan pegawai termasuk jurulatih yang disenaraikan selesai sebelum 5 Julai.

Mohamad Nizam Marjuki berkata semua atlet akan melalui siri perlawanan persahabatan untuk mengukur tahap kesiapan mereka menjelang temasya

dwitahunan itu.

"Kontinjen Selangor sudah memutuskan senarai 704 atlet ke SUKMA dan kesemua mereka kini memasuki fasa akhir latihan dan persediaan pasukan.

"Semua pasukan akan menjalani latihan pusat mengikut sukan masing-masing selama dua minggu sebelum berangkat ke Sarawak secara berperingkat," katanya seperti dilapor Bernama pada 18 Julai.

Beliau berkata Selangor menyasar 61 emas dengan acara renang, olah-

raga, memanah, tenis dan badminton menjadi sandaran utama menyumbang pingat.

Lebih manis Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah turut berkenan untuk bersama-sama kontinjen negeri ke temasya kali ini sekali gus membakar semangat atlet untuk mempamerkan aksi terbaik.

Pada SUKMA 2022, Selangor meraih 130 pingat keseluruhan dengan kutipan 31 emas, 55 perak dan 44 gangsa ditempat kelima keseluruhan.

## Pencemar berdepan denda RM10 juta

**SHAH ALAM** - Pengusaha kilang yang disyaki mencemar sungai hingga menyebabkan empat loji rawatan air (LRA) di Selangor dihenti tugas boleh dikenakan hukuman penjara maksimum lima tahun dan denda RM10 juta.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor Nor Aziah Jaafar berkata siasatan awal mendapati kebocoran tangki simpanan produk asid kilang tersebut mengalir ke sungai, lapor Sinar Harian.

Menurutnya, kes itu disiasat bawah

Seksyen 25(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang memperuntuk penjar mandatori sehingga lima tahun dan denda tidak lebih RM10 juta.

Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), JAS Selangor dan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) mendapati wujud punca bau seakan-akan asid dari premis tersebut.

Pada 23 Julai, EXCO Infrastruktur Ir Izham Hashim menjelaskan pencemaran bau di beberapa sungai berpunca daripa-

da kebocoran tangki dari sebuah kilang di Kuang.

"Justeru, pihak MPS telah mengenakan kompaun kepada pemilik premis tersebut dan akan melaksanakan pemantauan secara berterusan bagi memastikan kejadian tidak berulang," katanya.

LRA Rantau Panjang, Sungai Selangor Fasa 1, Sungai Selangor Fasa 2 dan Sungai Selangor Fasa 3 terpaksa dihenti tugas pada 23 Julai tetapi bekalan air mulai pulih pada esoknya.